



## JAIS: Isteri kuat bebel antara punca perceraian

OLEH AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** - Isteri kuat membebel dan tabiat seks ganas suami antara faktor perceraian, kata Ketua Penolong Pengarah Bahagian Undang-Undang Keluarga Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Aluwi Parman.

Beliau berkata, empat lagi punca perceraian ialah kurang kefahaman ilmu agama, masalah ekonomi, faktor pihak ketiga dan masalah anak.

Bagi 2014, katanya, kadar perceraian meningkat kepada 6,912 berbanding

6,162 orang berbanding tahun sebelumnya dan lazimnya dalam kalangan usia 30-an hingga 40-an.

"Bukan semua yang bercerai bernikah di Selangor. Mereka bekerja di negeri ini, apabila timbulnya masalah lalu bercerai dan didaftarkan di Selangor," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Muzakarah Pendaftar-pendaftar Perkahwinan, Perceraian Dan Ruju' Orang Islam Negeri Selangor 2015.

Hampir 400 peserta menyertai mu-

zakarlah itu yang penutupannya disempurnakan Pembantu Exco Hal Ehal Agama, Jawatankuasa Adat Melayu, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Razaly Hassan.

Dalam isu poligami, Aluwi berkata, kebanyakan pasangan gemar bernikah di selatan Thailand dan Indonesia berbanding memohon kebenaran serta mendaftar perkahwinan.

"Kes poligami bertambah tapi yang pasangan memohon di mahkamah tidak ramai. Ada daftarkan pernikahan (luar) mereka. Ramai diam (tidak daf-

tar)," katanya sambil menyatakan, ia sebahagiannya didorong faktor hamil luar nikah atau tidak dapat restu keluarga.

Mengenai isu kelewatan permohonan fasakh bagi wanita, kata Aluwi, kebanyakan pemohon gagal membawa bukti lengkap yang disyarat mengikut Seksyen 53, Enakmen Undang-Undang Agama Islam.

"Ini yang buatkan isteri gagal dalam tuntutan selain tidak membawa dua saksi bagi mengukuhkan permohonan itu," katanya.

**MB: Usah buat spekulasi usul muktamar PAS**

# Kerajaan Negeri teguh

Ketepikan masalah peribadi dan ego dengan meletakkan gagasan besar perjuangan. Jangan menghancurkan amanah rakyat disebabkan kepentingan parti. Saya kira itu satu pengkhianatan.

- Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali

- Penganalisis: PAS dapat manfaat
- Anwar: Harapan besar rakyat
- PKR atur pertemuan

BERITA LANJUT DI MUKA 2



Gambar oleh Asrie Sapfie

**CINTAI ILMU...** Penjualan buku-buku lama berbentuk ilmiah serendah RM1 bagi setiap buku menjadi antara tarikan pengunjung di Karnival Memancing MPSJ 2015 yang berlangsung di Tasik Puchong Perdana, Puchong. Ia selaras visi Kerajaan Negeri menjadikan Selangor sebagai hub pendidikan bagi membentuk masyarakat celik ilmu.

## Penganalisis: PAS dapat banyak manfaat

**SHAH ALAM** - PAS dijangka terus kekal sebagai parti gabungan Pakatan Rakyat sekurang-kurangnya sehingga pilihan raya umum (PRU) depan.

Penganalisis Politik, Prof Datuk Mohamad Abu Bakar

berkata, parti itu tidak memutuskan hubungan kerana mereka mendapat banyak manfaat dalam Pakatan.

"Pakatan tidak berakhir dengan Muktamar PAS tetapi masih ada masa panjang se-

hingga PRU. Rumusan segera tidak boleh dilakukan.

"Dengan sikap lebih banyak menunggu, PAS dilihat hanya keluar jika dipecah.

"Itu juga tak semestinya isyarat PAS akan bekerjasama

secara rasmi dengan Umno," katanya kepada Selangor Kini yang yakin Pakatan akan terus menerajui negeri itu.

"Hubungan Pakatan boleh 'cair' di Pulau Pinang kerana DAP yakin boleh berdiri sendiri

tapi keadaan itu berbeza dengan Selangor.

"Hubungan itu harus kekal. Perbezaan perlu dirai setiap parti supaya Kerajaan Pakatan Selangor tidak runtuh," katanya.

### Tak terjejas dengan usul muktamar PAS

# Pakatan teguh di Selangor

OLEH NAEEM RAFFI

**SHAH ALAM** - Sekalipun wujud pergeseran antara parti gabungan Pakatan Rakyat di peringkat pusat tetapi kedudukan Kerajaan Selangor tetap teguh.

Memberi jaminan itu, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata ketiga-tiga parti gabungan Pakatan di Selangor terus menumpu tanggungjawab melunaskan amanah rakyat.

Kepada pemberita, beliau berkata, PKR juga komited merungkai kemelut yang melanda parti gabungannya, PAS dan DAP di peringkat pusat.

"PKR ada tanggungjawab besar untuk pastikan Pakatan terus kuat. Ini peranan yang dimainkan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kita akan diterus-



Mohamed Azmin

kan demi kepentingan rakyat.

"Saya sendiri di peringkat negeri ingin melihat Pakatan terus kukuh.

"Memang ada pandangan berbeza tetapi kita punya tanggungjawab besar memenuhi aspirasi rakyat yang

memilih Pakatan pada pilihan raya lalu," katanya.

Beliau berkata demikian pada pemberita selepas Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan-Jabatan Kerajaan Selangor di Auditorium Dewan Jubli Perak, 9 Jun lalu.

Mohamed Azmin meminta semua pihak supaya tidak membuat spekulasi terhadap usul muktamar PAS berkaitan hubungan PAS dan DAP.

Justeru, beliau menggesa semua pimpinan di Selangor menumpu perhatian kepada agenda besar membangunkan negeri dan kebajikan rakyat.

"Kita berada di Selangor atas sokongan kuat rakyat. Soko-ngan ahli parti sahaja belum tentu membolehkan kita membentuk kerajaan," katanya.

## Ketepi ego kepartian

**SHAH ALAM** - Pergeseran PAS dan DAP boleh diselesaikan di meja rundingan yang akan dibuat seberapa segera, kata Timbalan Presiden PKR, Mohamed Azmin Ali.

Beliau menyifatkan perbezaan mereka sebagai peluang terbaik semua pimpinan Pakatan Rakyat bermuhasabah dalam meneruskan agenda rakyat.

"Krisis jangan dilihat sebagai kelemahan dan masalah. Sebaliknya peluang untuk pimpinan ketepikan ego dan beri keutamaan kepada rakyat.

"Kita sudah lalui banyak ujian tetapi mampu menyelesaikan. Teruskan perbincangan, jangan tutup meja rundingan. Jika pimpinan duduk berbilang, banyak masalah boleh dirungkai," katanya.

Dato' Menteri Besar Selangor itu berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Kerajaan Selangor, 9 Jun lalu.

Mohamed Azmin juga mengingatkan pemimpin tidak mementingkan diri hingga merosakkan keutuhan Pakatan.

"Ketepikan masalah peri-

badi dan ego dengan meletakkan gagasan besar perjuangan. Jangan menghancurkan amanah rakyat disebabkan kepentingan parti. Saya kira itu satu pengkhianatan.

"Saya mahu melihat Pakatan terus kukuh. Memang ada pandangan berbeza tetapi kita punya tanggungjawab besar memenuhi aspirasi rakyat.

"PKR punya tanggungjawab besar pastikan Pakatan terus kuat. Ini peranan yang dimainkan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kita teruskan untuk kepentingan negara dan rakyat," katanya.

## Jangan khianati rakyat

**KUALA LUMPUR** - Pemimpin Pakatan Rakyat perlu berhenti membuat kenyataan yang mengeruhkan hubungan antara gabungan parti.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata pemimpin perlu fokus memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat yang memberi kepercayaan untuk menerajui Kerajaan Negeri.

"Tidak perlu serang di media. Berulang kali saya kata, kita ada tanggungjawab besar kepada

rakyat. Jangan kita khianati amanah dan sokongan rakyat.

"Beri tumpuan untuk negeri dan negara," katanya kepada parti supaya Kerajaan Pakatan Selangor Kini di lobi Parlimen, 9 Jun lalu.

Mohamed Azmin berkata, rakyat hanya mahu sebuah kerajaan yang stabil bagi memastikan dasar dan hala tuju untuk mereka direalisasikan.

Segelintir pimpinan berterusan membuat kenyataan yang dilihat mengeruhkan lagi hubungan antara gabungan parti.

## Anwar: Harapan besar rakyat

**SHAH ALAM** - Pakatan Rakyat menjadi harapan besar rakyat dan perlu mara bagi menyelesaikan masalah politik dan ekonomi yang teruk akibat pentadbiran Umno BN.

Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata rakyat terbelenggu dengan GST dan hutang mahabesar 1MDB manakala polemik perkauman dan agama belum reda.

Justeru, beliau risau dengan perkembangan terkini

Pakatan berikutan usul pada muktamar PAS untuk memutuskan hubungan dengan DAP.

"Saya gesa PAS mengkaji semula usul yang dilulus tanpa dibahas, agar tidak dilakukan ketika ini," katanya pada kenyataan media melalui Ahli Parlimen Bagan Serai, N Surendran, 9 Jun lalu.

Berikutan itu, beliau menghantar pesanan khusus berkenaan isu itu kepada Lim Kit Siang dan Datuk Seri Guru Abdul Hadi Awang.

## Atur pertemuan pimpinan dua parti

**KUALA LUMPUR** - PKR yakin isu hubungan PAS-DAP mampu diselesaikan menerusi pertemuan diatur Pakatan Rakyat dalam masa terdekat.

Ketua Whip Parlimen PKR, Datuk Johari Abdul, berkata perbincangan dijangka merungkai kekusutan antara kedua-dua parti berkenaan.

"Presiden, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail akan adakan pertemuan dengan pimpinan PAS, DAP untuk redakan pandangan mereka.

"Boleh diselesaikan, masalahnya persepsi berbeza-beza. Kita tidak pasti apa yang dicakapkan, apa yang dimaksudkan," katanya di lobi Parlimen di sini, 8 Mei lalu.

Johari berkata, PAS perlu menjelaskan maksud 'tidak bekerjasama dengan DAP tetapi kekal dalam Pakatan'.

"Ia perlukan penjelasan dan dijangka mampu menjernihkan keadaan seterusnya rakyat lebih faham maksud pimpinan PAS itu," katanya.

## Ejen palsu jual borang Hijrah RM300

**SHAH ALAM** - Hijrah Selangor tidak pernah melantik ejen borang permohonan untuk peniaga yang mahu memperoleh manfaat dari program itu.

Pengarah Eksekutif Yayasan Dar al Qard al Hassan Selangor, Datuk Mansor Othman, berkata ia ekoran ada individu tidak bertanggungjawab yang mengambil kesempatan.

Beliau berkata, individu itu

dikatakan menjual borang Hijrah pada harga RM300 sekitar Hulu Selangor, Shah Alam dan Serdang.

"Kita tidak pernah lantik mana-mana ejen memproses borang. Kita juga tidak pernah janjikan kelulusan dengan bayaran tertentu.

"Kita juga tidak lantik ejen luar untuk taklimat perniagaan Hijrah. Kita ada pegawai Hijrah,"

katanya kepada SelangorKini.

"Hijrah dapat sambutan menggalakkan. Jadi, saya tidak mahu rakyat tertipu dengan mereka," katanya yang mahu mengambil tindakan tegas jika mengesan mereka.

Pemohon pinjaman Hijrah boleh mendapatkan borang di Pejabat Hijrah atau cawangan setiap DUN mahupun wakil rakyat. Hubungi pejabat Hijrah

melalui talian 03-55212458 jika ada keraguan.

Hijrah diperkenal Kerajaan Selangor bagi melonjakkan golongan miskin berhijrah memasuki kumpulan berpendapatan menengah.

Program itu diperkasakan melalui Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel) dan Program Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR).



**Mansor Othman**

# RM150,000 untuk mangsa gempa di Sabah



Gambar: Hasan

OLEH NAZLI IBRAHIM

**SHAH ALAM** - Sejumlah bantuan kemanusiaan sebanyak RM150,000 disalurkan kepada mangsa gempa bumi di Sabah, kata Exco Kesihatan, Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, Dr Daroyah Alwi.

"Kita sedang kenal pasti badan bukan kerajaan (NGO) yang terlibat di sana sebab mereka ada data. Selepas itu, kita salur bantuan secepat mungkin," kata Dr

Daroyah kepada *SelangorKini*.

Menyatakan urus setia akan memastikan ia disalurkan terus kepada keluarga mangsa, beliau berkata, mereka juga diarah memeriksa kerosakan rumah untuk mengenal pasti bentuk bantuan sewajarnya.

Malah, Dr Daroyah juga mempertimbang kemungkinan menghantar Pertubuhan Misi Bantuan Kemanusiaan Selangor (PANTAS) bagi membantu mangsa.

"Setakat ini, belum diputuskan.

Sebab kita mahu teliti apakah bentuk bantuan yang boleh bantu apabila turun ke sana.

"Pada masa ini, PANTAS bersedia bersedia," katanya.

Kira-kira jam 7.15 pagi 5 Jun lalu, gempa bumi berlaku pada skala Richter berpusat di 6.1 utara, 116.6 timur, kira-kira 16 kilometer di barat daya Ranau.

Ia turut dirasai di Ranau, Tambunan dan pantai barat termasuk Tuaran, Kota Kinabalu, Beaufort dan Kota Belud.

## Tiada catuan air di Lembah Klang

**KUALA LUMPUR** - Tiada catuan air di Lembah Klang berikutan kesungguhan Kerajaan Selangor menambah loji bekalan air dan mempercepat proses penstrukturan semula air.

Ahli Parlimen Kuala Langat, Abdullah Sani Abdul Hamid, berkata taburan hujan turut membantu dan tidak timbul isu seperti diheboh.

"Saya tidak nampak timbul masalah kerana banjir hujan begitu padat membantu dalam proses merawat dan membekal air.

"Saya juga yakin proses untuk membina loji tambahan itu wajib disegerakan," katanya kepada *SelangorKini* di lobi Parlimen, 8 Jun lalu.

Katanya, Kerajaan Persekutuan harus bersikap adil berikutan Kerajaan Selangor bersungguh-sungguh mempercepat proses penstrukturan.

"Kedegilan Kerajaan Persekutuan mahu ambil tanah dengan jumlah banyak dan Selangor berhak mempertikai-kannya kerana ia tiada dalam



“**Saya tidak nampak timbul masalah kerana banjir hujan begitu padat membantu dalam proses merawat dan membekal air**

**ABDULLAH SANI**  
Ahli Parlimen Kuala Langat

perjanjian.

"Inilah antara penyebab utama dilihat membantu proses penyaluran air daripada Pahang," katanya.

## BN terus gagal namakan ketua pembangkang

**SHAH ALAM** - Umno BN masih gagal menamakan Ketua Pembangkang Dewan Negeri Selangor (DNS) walaupun kekosongan jawatan berlanjutan hingga lebih lima bulan.

Hingga kini, Speaker DNS, Hannah Yeoh belum menerima maklum balas BN Selangor berhubung isu itu

"Saya belum menerima apa-apa dari BN. Kegagalan itu me-

nyebabkan DNS yang dijadual bersidang Ogos ini, tanpa ketua pembangkang," katanya kepada *SelangorKini*, 28 Mei lalu.

Pada 8 Disember lalu, Datuk Shamsuddin Lias yang juga Adun Sungai Burong meletak jawatan.

Ia berikutan undang-undang negeri mewajibkan ketua pembangkang perlu memegang jawatan Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang (PAC) negeri.

## Anggap paling berjaya

**PAS** Selangor menyifatkan penganjuran Muktamar Tahunan PAS ke-61 paling berjaya berikutan kehadiran lebih 10,000 pengunjung.

Kata Setiausaha PAS Selangor, Mohd Khairuddin Othman, ia juga mencatat kehadiran dari Australia, United Kingdom, Amerika Syarikat, Turki, Arab Saudi dan beberapa negara Islam lain.

"Terima kasih Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) terutama Yang DiPertua dan kakitangannya, selain petugas muktamar termasuk Unit Amal PAS," katanya.

Beliau percaya muktamar tiga hari itu memberi impak ekonomi setempat khususnya perhotelan dan homestay.

## Perwakilanancam wartawan

**GERAKAN** Media Marah (GERAMM) membantah perbuatan perwakilan Pemuda PAS terhadap seorang wartawan tempatan.

Perwakilan, Syarhan Humazi Abdul Halim diminta membuat bantahan formal kepada agensi berita itu jika ada masalah.

Malah, beliau boleh menggunakan saluran perundangan jika berasa sesebuah berita itu berunsur fitnah.

"GERAMM membantah keras ancaman mengasari wartawan dalam apa jua cara bentuk fizikal," kata kenyataan media 4 Jun lalu.

Ketua Pemuda PAS Selangor dilapor menyebut nama wartawan dan membaca penggantian pertama berita menyebabkan suasana kecoh.

## RM19,800 bantu mangsa gempa

**SEJUMLAH** RM19,800 derma kilat dikutip pada Muktamar Tahunan PAS ke-61 bagi membantu mangsa gempa bumi Sabah khusus penduduk Ranau.

Kutipan itu dibuat dalam kalangan perwakilan dan pimpinan PAS sebelum diserahkan Datuk Seri Abdul Hadi Awang kepada Pesuruhjaya PAS Sabah.



## Terkejut budaya label, fitnah

**DEWAN** Himpunan Penyokong PAS (DHPP) menegur kesungguhan kepimpinan PAS dalam menjaga kesucian parti itu dari gejala fitnah dan label-melabel.

Timbalan Pengerusinya, N Balasubramaniam, berkata tindakan segera perlu diambil

sebelum ia memecah belahkan perpaduan parti.

"DHPP datang kepada PAS mengharapakan suasana lebih harmoni dengan pemerintahan Islam yang mengajar sesuatu lebih baik.

"Kami terkejut dengan budaya

fitnah-memfitnah dan label-melabel merebak dalam PAS. Ia dilarang dalam al-Quran, mengapa masih ada lakukannya?" katanya.

Beliau berkata, DHPP menaruh harapan tinggi kepada PAS untuk membawa perubahan dalam kehidupan lebih sejahtera.

"Janganlah harapan kami hancur apabila PAS dipenuhi amalan fitnah-memfitnah.

"Kami harapkan PAS dalam memberi keadilan kepada rakyat setelah kami tidak yakin dengan Islam yang dibawa Umno," katanya.

## 'Berhemah antara rakan, jangan bergaduh'

**KESEPAKATAN** pimpinan Kerajaan Selangor wajar dicontohi rakan gabungan Pakatan Rakyat di peringkat nasional.

Perwakilan Selangor, Shafie Ngah, berkata ia membantu kerjasama baik antara PAS, PKR dan DAP melawan kezaliman Umno

BN dan menyalur kebajikan kepada rakyat.

"Sudah dua penggal memerintah negeri terkaya dengan komposisi kerusi seimbang 15 (DAP), 15 (PAS) dan 14 PKR. Kerjasama antara kita menghidupkan ilmu di masjid dan surau, malah penceramah dari

Kelantan, Kedah datang ke Selangor," katanya ketika berbahas, 5 Jun lalu.

Kata Shafie, kerjasama itu selaras dengan ucapan dasar Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan mampu memajukan parti itu.

"Usia 61 bukannya muda, sepa-

lutnya kita maju dipersada politik, tidak takut pada siapa. Jangan kita bimbang dengan pancaroba.

"Kita mampu buat lebih jika kita jaga hubungan sesama kita. Berdakwah dengan berhemah antara rakan, jangan bergaduh dengan rakan, katanya.



## Hadi: PAS teres bersama Pakatan

**PAS** mahu meneruskan talahuf siyasi atau kerjasama politik dalam Pakatan Rakyat, kata Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan ahli PAS berhati-hati dalam menjalin kerjasama dengan pihak luar selagi tidak bertentangan dengan peringatan Allah.

"PAS tetap melaksanakan talahuf siyasi bersama Pakatan selagi tidak bercanggah dengan panduan al-Quran dan Sunnah," katanya ketika menyampaikan ucapan dasar 4 Jun lalu.

Hadi berkata, pemimpin dan ahli perlu memelihara batas dengan menjaga prinsip dan dasar perjuangan serta ketaatan kepada parti.

"Jangan kita lalai dengan kemenangan lupa amanah untuk menegakkan agama," katanya sambil disambut laungan takbir.

## DHPP mohon hak mengundi

**DHPP** memohon PAS supaya membenarkan mereka mengundi pada muktamar akan datang.

Perwakilan, Asokan Promal, berkata DHPP banyak menganjur program peringkat kawasan dan negeri bagi menyebar mesej

politik kepada bukan Islam.

"Justeru, minta pertimbangan sekali lagi untuk benarkan kami mengundi," katanya disambut tepukan gemuruh, 5 Jun lalu.

Beliau berkata, hasrat itu bersandar kepada kenyataan Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang

menyifatkan DHPP sebagai aset parti.

"Janganlah harapan itu diabaikan," katanya yang memula perbahasan dengan mengenang permegang Muryidul Am PAS, Almarhum Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

# MB: Hayati Tahaluf Siyasi

**UCAPAN** dasar Presiden PAS yang menggesa kepimpinan dan ahli PAS meneruskan perjuangan Pakatan Rakyat melalui kaedah tahaluf siyasi, harus dihayati.

Meminta tidak terlalu tertumpu kepada usul tertentu, Timbalan Presiden PKR, Mohamed Azmin Ali, berkata ia harus dilihat positif dan bertanggungjawab oleh semua pihak

"Akhirnya ucapan dasar presiden sebagai ketua parti mencorak masa depan hala tuju parti dan Pakatan," katanya.

"Tuan guru berulang-kali menunjukkan komitmen selaku Presiden PAS dan menggunakan muktamar ini supaya seluruh kepimpinan meneruskan perjuangan atas kaedah tahaluf siyasi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas ucapan dasar Datuk Seri Abdul Hadi Awang pada Muktamar Tahunan PAS ke-61, 4 Jun lalu.

Abdul Hadi pada ucapan dasar bertema 'Beristiqamah Hingga Kemenangan' menegaskan PAS terus bersama Pakatan berpandu hukum Syarak.

Mohamed Azmin me-



nyatakan ucapan dasar itu sebagai perkembangan positif dan berharap semua pimpinan Pakatan harus berbincang untuk menghadapi PRU-14.

"Tentulah keperluan segera duduk bincang dan melihat kaedah ketiga-tiga parti meneruskan perjuangan atas nama Pakatan seperti ditegaskan Tuan Guru," katanya.

Mohamed Azmin juga meminta semua pihak menghor-mati pandangan ketiga-tiga dewan, baik Dewan Pemuda, Muslimat mahupun Ulama.

"Ini proses demokrasi sebuah parti yang kita kena hormat dengan usul dibentang," katanya.

Beliau juga meminta semua pihak tidak memperbesar-

kan isu 'chai' kerana ia bukan menghairankan pada proses pemilihan parti politik.

"Biasalah. Tetapi yang penting akhirnya mesejnya sejelas kristal. Kita akan terus mara atas nama Pakatan," katanya.

Mohamed Azmin juga yakin hubungan ketiga-tiga parti dalam Pakatan dapat diteruskan bagi menghadapi PRU 14.

## Selangor tuan rumah kali ke-3

**PAS** memilih Selangor sebagai penganjur Muktamar Tahunan ke-61 buat kali ketiga sejak 2008.

"Selangor sambut baik dan kita juga bagi bantuan dan kerjasama. Ini menunjukkan Pakatan di Selangor 'solid'.

"Kepada perwakilan luar Selangor, saya ucapkan selamat datang, selamat bermuktamar," kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Seramai 1,890 perwakilan PAS dari seluruh negara bermuktamar di tiga lokasi dengan kemuncaknya di Stadium Tertutup Kuala Selangor.

## Henti perdagangan manusia

**KERAJAAN** Persekutuan disesak mempergiat usaha mencegah dan memerangi perdagangan manusia dan penye-ludupan pendatang asing.

Usul PAS Kota Raja itu juga mahumemastikan perlindungan dan bantuan kepada mangsa.

Perwakilan, Jaafar Shamsudin, berkata tindakan perlu selaras pawaian antarabangsa dan Protokol Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

"Kita kesal atas lambatnya Kerajaan Persekutuan ambil tindakan seperti dalam Laporan Perdagangan Orang 2014," katanya.



## 'Air Sungai Klang tak siapa berani minum'

**PAS** wajar menjuarai isu alam sekitar dan kelangsungannya demi kehidupan lebih sejahtera selaras tuntutan agama.

Pengerusi Lajnah Alam Sekitar PAS Pusat, Zulkifli Omar, ber-

kata memalukan kempen isu itu diperjuangi pemimpin bukan Islam.

"Negara maju ditadbir bukan Islam, bersih hingga air sungai boleh diminum. Malaysia majoriti

umat Islam tetapi air Sungai Klang tak siapa berani minum," katanya pada perbincangan, 6 Jun lalu.

Beliau menuntut anjakan paradigma semua pemimpin Islam agar menjuarai isu itu bagi

membentuk masyarakat cinta-kan alam sekitar.

"Ahli Parlimen dan Adun wajar peka kerana kita pemimpin Islam dituntut agama memelihara alam sekitar," katanya.

# Saji masakan urban, eksotik



OLEH NAEEM RAFFI

**SHAH ALAM** - Lebih 50 menu tradisional, eksotik dan urban disaji pada Selangor Food Mega Festival 2015 melalui penyertaan 130 pengusaha makanan.

Ia menampilkan masakan urban seperti burger bakar, rusuk lembu bakar dan pisang cheese selain sate Kajang, cendol Klang, rojak, serta nasi ambeng - makanan tradisi Selangor.

Beberapa pengusaha makanan berkonsep 'food truck' turut mengambil bahagian antaranya Big Hug Burger dan Coffee Cab.

Berkonsep santai, pengunjung menjamu selera selain dihiburkan persembahan khas artis tempatan dan demontra-

si masakan.

Dianjur Tourism Selangor, ia menampilkan hidangan lazat pelbagai budaya selain menyediakan landasan kepada pengusaha makanan tempatan melebar pasaran.

Ia menyaksikan penyertaan 130 pengusaha makanan dengan lebih 50 jenis menu masakan tradisional, eksotik dan urban di Selangor.

"Ia menghidupkan Shah Alam selain merencanakan pelancongan," kata Exco Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, 30 Mei lalu.

Katanya, festival dua hari yang menggabungkan aktiviti kemasyarakatan dan pelancongan turut merangsang sektor ekonomi dan pelancongan.



Karl Shafek



Nur Izzati Naim

## Miliki kelainan tersendiri

**SHAH ALAM** - Rata-rata menyifatkan Selangor Food Mega Festival 2015 memiliki kelainan tersendiri walaupun julung kali diadakan.

Chef Selebriti, Karl Shafek menyifatkan penganjurannya mewarnai kalendar pelancongan dan wajar dijadikan acara tahunan.

"Selain beri pendedahan berkenaan makanan, vendor juga ada ruang mempromosi

produk. Harap ia dianjurkan lagi dan disaran tambah aktiviti sampingan.

"Makanan adalah program utama tetapi seni juga boleh diselit," katanya kepada *SelangorKini*, 31 Mei lalu.

Pemilik Bob Republic Burger Bakar, Mohd Najib Halimi, pula menyifatkan festival itu memberi kesempatan untuk memperkenal menu istimewanya iaitu rusuk lembu bakar.

"Ia landasan baik memperkenal produk yang sudah empat tahun di pasaran dan ada sembilan cawangan termasuk Melaka dan Pahang," katanya.

Penggemar makanan, Nur Izzati Naim, 27, pula teruja dengan pelbagai makanan dan bercadang untuk menikmati seberapa banyak makanan yang belum pernah dicuba.



## SELANGOR <sup>KINI</sup> SIDANG PENGARANG

**KETUA PENGARANG:** Fazallah Pit

**PENGARANG BERITA:** Hafizih Mokhtar & Nurul Farina Nazlan

**PENOLONG PENGARANG:** Mohd Ezli Mashut

**WARTAWAN:** Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Lizawati Madfa: lizalyn84@gmail.com,

Afif Redzuan: afifredzuan@gmail.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,

Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim: nazliibrahim@gmail.com,

Syazwani Sufian: syazwanisufian@ccsb.selangorku.com

**JURUGAMBAR:** Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfe

**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: news Selangorkini@gmail.com

# SOFF tampil fesyen segar, sopan

**SHAH ALAM** - Festival Fesyen Orked Selangor (SOFF) 2015 meluaskan pengetahuan wanita dalam dan luar bandar melalui rekaan terkini.

Exco Hal Ehwal Wanita, Kebajikan dan Kesihatan, Dr Daroyah Alwi berkata, ia dapat membuka pandangan betapa pentingnya wanita memiliki keterampilan menarik.

"Ia menggalakkan wanita berfesyen ikut peredaran zaman, anggun dan sopan. Misalnya, busana muslimah makin dapat sambutan anak muda.

"Wanita makin aktif mengadakan program peragaan muslimah.

**“Wanita makin aktif mengadakan program peragaan muslimah. Mereka juga mengembangkan perniagaan rekaan pakaian mengikut cita rasa tersendiri”**

## DR DAROYAH

Exco Hal Ehwal Wanita

mah. Mereka juga mengembangkan perniagaan rekaan pakaian mengikut cita rasa tersendiri.

"Ini menggalakkan penglibatan wanita dalam bidang fesyen. Ia juga antara agenda membangunkan wanita di Selangor," katanya 31 Mei lalu.



## Medan perkenal pereka muda

**SHAH ALAM** - Pertandingan SOFF 2015 menjadi medan mengetengah bakat baharu pereka muda.

Johan, Muhamad Sabri Mohd Azhar, 21, berkata ia memberi peluang kepada pereka muda menonjolkan bakat terpendam.

"Saya gembira kerana rekaan dipilih menjadi juara memandangkan 21 peserta bertanding.

"Ini pertandingan pertama disertai selepas tiga tahun tamat pembelajaran di Kolej Kemahiran Tinggi Mara Rembau.



**Muhamad Sabri**

"Harapnya, hasil rekaan akan lebih dihargai penggemar fesyen," katanya kepada Selangor Kini.

Model sampingan, Norhaziqah, 25, berkata keunikan rekaan dan ketelitian jahitan antara faktor Muhamad Sabri muncul juara.

"Rekaannya berlainan berbanding peserta lain dan materialnya sangat berkualiti membuatkan pemakai selesa," katanya.



**Muhamad Suhaimi**

Naib Johan, Muhammad Suhaimi Sahari, 21, pula berkata pereka muda dapat menunjukkan pelbagai rekaan unik kepada orang ramai.

"Saya hasilkan rekaan dari alam sekitar dan reka bentuk bangunan. Saya pecahkan idea itu untuk hasilkan baju yang unik.

"Harap festival ini diteruskan kerana ia membantu pereka muda menaikkan nama ke peringkat lebih tinggi," katanya.



## Pengeluar solar tambah pelaburan

**SHAH ALAM** - Pengeluar terbesar sel solar dunia, Hanwha Group akan menambah pelaburannya di negeri ini.

Hanwha Group melalui anak syarikatnya, Hanwha Q-cells bersetuju memperluas dan menambah baik kemudahan di Cyberjaya melalui pertambahan pelaburan berkeajaan.

Hanwha Q-cells yang ada

fasiliti terbesar di Cyberjaya selain di China dan Korea, dijangka memulakan tambahan itu bermula September ini.

Selangor dalam proses menarik pelaburan dari Korea membabitkan sektor industri farmaseutikal, sains hayat dan teknologi hijau selain mempromosi kawasan perindustrian Pulau Indah.

Pada masa sama, Kerajaan

Negeri membuka ruang dan peluang pelaburan kepada syarikat yang terlibat dengan industri halal.

Sehingga 2014, Korea mencatat enam peratus jumlah keseluruhan pelaburan membabitkan sektor pembuatan, di belakang Singapura (27 peratus), Jepun (26 peratus) dan Emieriah Arab Bersatu (12 peratus).



# Kewangan kukuh tingkat kebajikan

OLEH **AFFEEQA AFEERA**

**KLANG** - Kekukuhan kewangan Selangor sejak 2008 membolehkan Kerajaan Negeri meneruskan program kebajikan untuk rakyat negeri itu.

Exco Pelaburan, Perindustrian IKS & Perdagangan serta Pengangkutan, Datuk Teng Chang Khim, berkata rizab RM3.7 bil-

ion itu akan digunakan untuk keperluan rakyat.

"Meskipun perbelanjaan tinggi untuk program kebajikan tetapi kedudukan kewangan negeri yang baik membolehkannya diteruskan hingga kini," katanya.


Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Skim Mesra Usia Emas (SMUE) di Dewan Ta-

man Eng Ann di sini, 6 Jun lalu.

Chang Khim berkata program kebajikan terutama SMUE menerima sambutan menggalakkan dari penduduk Klang sejak mula diperkenalkan.

Beliau berkata program sedia ada bukan hanya kekal tetapi ditambah baik selaras keperluan rakyat.

## Hasil meningkat RM164 juta



**SHAH ALAM** - Selangor mencatat kutipan hasil RM164 juta menjadikan jumlah peningkatan RM1.158 bilion berbanding RM993 juta pada 2014.

Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Noordin Sulaiman, berkata jumlah itu menunjukkan Selangor melepasi anggaran hasil menjadikannya 58.7 peratus.

"Pencapaian ini dalam tempoh lima bulan sahaja. Kita menjangkau separuh dari hasil yang dijangka," katanya kepada *Selangorkini*.

Noordin berkata, peratusan pencapaian cukai itu juga menunjukkan peningkatan dalam tempoh sama tahun lalu.

"Peningkatan RM164 juta itu memberangsangkan. Kita jangka hasil meningkat kepada lebih RM2 bilion pada Disember," katanya.

Mengikuti rekod Bahagian Pengurusan Hasil sehingga 27 Mei, hasil cukai yang dikutip ialah RM390.4 juta manakala Hasil Bukan Cukai RM684.6 juta dan Terimaan Bukan Hasil RM83 juta.

### TINJAUAN ORANG RAMAI

**Ia untuk menjaga kebajikan rakyat Selangor melalui manfaat RM2,500 disumbangkan kepada penama berdaftar warga emas/OKU yang meninggal dunia.**

"Saya bersyukur kerana menerima manfaat mewakili arwah ibu. Ia meringankan beban. Skim khairat kematian itu memudahkan urusan keluarga menguruskan keperluan pengebumian. Ia selaras usaha berkebajikan Kerajaan Selangor.

**Penerima, Jenifah Jasman, 36**



"Keprihatinan membantu rakyat terbukti sejak Pakatan Rakyat mentadbir pada 2008. Walaupun si mati tidak dapat merasai manfaat ini sepenuhnya tetapi ia tetap di-anugerah kepada mereka. Saya terharu dan berterima kasih kepada Kerajaan Selangor.

**Penerima, Ravi a/l Ramasamy, 47**

## PKNS sasar perolehan RM 1 bilion

**SHAHALAM**-Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menasar perolehan RM1 bilion tahun ini berbanding RM1.1 bilion pada 2014.

Pengurus Besarinya, Azlan Md Alifiah, berkata ia berkurangan berikutan ekonomi tidak menentu dan pembangunan sektor hartanah yang lembab.

Bagaimanapun, katanya PKNS dijangka mengekal taraf perolehan stabil ekoran fokus utama membangunkan 37 projek rumah mampu milik melibatkan 10,587 unit tahun ini.

"Nilai keseluruhan pembangunan projek itu yang dirancang hingga 2019 membabitkan RM424.7 juta dan dijangka diseimbangkan dengan perolehan pulangan balik," katanya.


Beliau berkata, PKNS juga meneruskan produk pembangu-

nan hartanah seperti banglo, rumah berkembar dan rumah teres di pusat pertumbuhan baharu.

"Kerancangan projek memperlihat peranan PKNS sebagai peneraju pembangunan kekal dalam menghadapi cabaran

pembangunan ekonomi.

"Polisi pembinaan rumah kos rendah dan mampu milik sebanyak 38 peratus, kos sederhana (47 peratus) dan kos tinggi (15 peratus) juga kekal," katanya.





Perbahasan Adun Muda di DNS makin matang

# 'Petronas mampu biayai pendidikan percuma'

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Pendidikan percuma antara isu hangat diperdebat dalam Program Adun Muda Selangor selama dua hari, sejak 27 Mei lalu.

Mereka teruja membentangkan pandangan dan cadangan baik pembangkang atau kerajaan, khususnya dalam isu kepayaan pembiayaan pendidikan percuma.

"Kerajaan Persekutuan harus mulakan langkah membiayai pendidikan percuma kerana Petronas mampu menjayakan pembiayaan itu.

"Kegagalan menunjukkan mereka gagal memahami falsafah pendidikan negara," kata Mohd Syakirin Mohd Azhar se-

“

**Kerajaan Persekutuan harus mulakan langkah membiayai pendidikan percuma kerana Petronas mampu menjayakan pembiayaan itu**

**MOHD SYAKIRIN**  
Adun Muda Rawang

laku Adun Muda Rawang.

Peserta dari pihak kerajaan pula menekankan pendidikan berkebakikan ke atas institusi pengajian tinggi (IPT) swasta di negeri itu dan program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi dan Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad turut mengambil bahagian dalam perbahasan itu.

Speaker, Hannah Yeoh dan Timbalan Speaker, Mohd Shafei Ngah bertindak sebagai pengerusi.

Seramai 42 peserta dari pelbagai institusi pengajian tinggi (IPT) menyertai program kali ketiga bertujuan mendidik mereka kepada pro-ses demokrasi.



## Mahasiswa luar bandar terlibat

**SHAH ALAM** - DNS menerima 93 permohonan dari seluruh Malaysia dengan 56 penyertaan IPT awam dan swasta, selain badan bukan kerajaan (NGO) serta Penggerak Belia Tempatan (Pebt).

Speaker, Hannah Yeoh (**gambar**), berkata peserta adalah gabungan mahasiswa dari bandar dan luar bandar selain negeri lain yang menutut di Selangor.

"Permohonan memberangsangkan setiap tahun. Peserta berpeluang berdialog dan beramah mesra dengan Adun Pakatan atau pembangkang," katanya.

"Ini merapatkan hubungan dengan anak muda dan membuatnya lebih mesra serta mudah diakses selaras dengan dasar ketelusan Kerajaan Selangor.



## Teruja berdebat di DNS

**SHAH ALAM** - Peserta mahu program Adun Muda Selangor diteruskan supaya mahasiswa didedah secara langsung dengan suasana sebenar sidang Dewan Negeri Selangor (DNS).

Mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohd Syakirin Mohd Azhar, berkata mereka mempelajari tugas wakil rakyat dan prosedur penggubalan undang-undang negeri.

"Selain merasai suasana berbahas, kita juga belajar bagaimana sesuatu undang-undang itu digubal.

"Sepanjang dua hari, saya sempat berbulu dengan Adun kerajaan dan pembangkang. Saya lihat amalan demokrasi sihat berlaku di negeri ini," katanya.

Mahasiswa Universiti Teknologi Mara (UITM) Seremban 3, Norshakirah Syazwani Mohd Yazid, berkata ia membolehkan beliau dapat merasai pengalaman berada di DNS.

"Penganjuran itu baik. Saya memang berminat jadi Adun dan selalu tonton persidangan di televisyen. Jadi, peluang menjadi 'wakil rakyat' sangat berharga," katanya.

Bagi Yazid Khairul Azman dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA), perbahasan itu landasan membawa golongan muda menin-

“

**Penganjuran itu baik. Saya memang berminat jadi Adun dan selalu tonton persidangan di televisyen. Jadi, peluang menjadi 'wakil rakyat' sangat berharga**

**NORSHAKIRAH**  
Mahasiswa UITM

gkatkan keyakinan memberi pendapat.

"Saya pernah lawat sidang Parlimen. Saya berminat menyertai sidang ini kerana prestasi Selangor sebagai negeri maju dan berbeza dari negeri lain.

"Penganjuran ini perlu menjadi contoh kepada negeri lain," katanya.



OLEH AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** - Pendekatan dakwah melalui jalanan yang dijalankan Lembaga Zakat Selangor (LZS) harus giat berikutan ia memudahkan dakwah tersebar.

Daqmi atau nama sebenarnya Azmee Abdul Manap, 44, percaya dakwah tidak boleh bersifat eksklusif dan perlu disampaikan meskipun dalam kelompok kecil.

"Dakwah kena dekat street (jalanan). Langkah itu memang patut diteruskan. Tidak semestinya kena ramai. Dalam kelompok kecil, dakwah berterusan akhirnya menjadi banyak.

"Dakwah street kena istiqamah,"katanya pada Zakat Street Di Ambang Ramadan 1436H di

# Dakwah perlu turun ke jalanan

Uptown Shah Alam Seksyen 24 di sini, 7 Jun lalu.

Pada acara itu, LZS turut menyampaikan sumbangan kepada Pusat Tahfiz Khairul Qalam, Jalan Kebung yang terbakar 13 Mei lalu.

Sumbangan RM60,000 itu diserahkan Pengurus Besar Agihan LZS, Basith Hameed kepada wakil pusat tahfiz untuk kos baik pulih dan membeli peralata-

tan baru.

Daqmi kini bergerak secara solo dan berdakwah melalui karya penulisan lagu dan nyanyian, berbekal pengalaman bersama beberapa kumpulan nasyid sekitar 1997.

Mengenai zakat, beliau berkata, LZS perlu memberi kefahaman mengenai prosuder mereka manakala orang awam membantu berikutan kompo-

sisi pekerja kecil.

Bagi Man Raja Lawak atau nama sebenar, Abd Rahman Kasim, percaya perkembangan laman sosial perlu sebagai inisiatif mempromosi bayaran zakat.

"Kadang-kadang orang tak ke surau atau masjid kerana ada alasan tertentu. Kini, mereka tidak boleh beri alasan kerana ilmu sudah datang,"

“

**Pendakwah kena dekat street (jalanan). Langkah itu memang patut diteruskan. Tidak semestinya kena ramai**

**AZMEE ABDUL MANAP**  
Pendakwah

## Mangsa ribut terima sumbangan

**SHAH ALAM** - LZS menyerahkan sumbangan kepada tujuh keluarga mangsa ribut di Kampung Alah Batu dan Kampung Orang Asli Changkat Bintang di Hulu Selangor.

Setiap keluarga menerima RM500 dan sumbangan baik pulih surau RM35,000.

"Semoga ia meringankan beban yang ditanggung," kata LZS pada Facebook rasminya 30 Mei lalu.

Pada 29 Mei lalu, LZS menghulurkan sumbangan karpet dan PA sistem kepada Masjid As-Syukriah, Gesir Tengah, Hulu Selangor bernilai RM50,612.

**Setiap keluarga menerima RM500 dan sumbangan baik pulih surau RM35,000**



Mangsa ribut di Hulu Selangor menerima bantuan daripada Lembaga Zakat Selangor

## Kartun sebar informasi zakat

**SHAH ALAM** - Memandangkan ramai kurang peka terhadap kewajipan zakat, LZS menggunakan lakaran kartun sebagai penyampai mesej dakwah.

Ketua Sektor Dakwah dan Pemasarannya, Mohamed Syahril Zainol, berkata lakaran sarat informasi menjadi tarikan orang ramai mendalami ibadah zakat secara santai.

"LZS buat penjenamaan semula pada hasil kartun, malah kita ada kartunis sendiri untuk gilap ia sebagai ikon.

"Kartun dalam sinis dan jenaka untuk menyampaikan mesej menggunakan pendekatan dakwah berbeza," katanya kepada Selangor Kini.



Beliau berkata kartun berinformasi itu juga diangkat dalam program tertentu dan menjadi daya tarikan kanak-kanak.

"Sebanyak 10 produk kartun dihasilkan. Kita juga ada video dakwah dalam kartun pada papan iklan billboard, hospital dan beberapa masjid," katanya.

## Dalami ilmu Turath

**SHAH ALAM** - Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menekankan kepentingan menuntut Ilmu Turath yang diwarisi dari ulama silam.

Pengarahnya, Datuk Haris Kasim (**gambar**), berkata Ilmu Turath penting diamal dalam pelbagai bidang pada masa kini mahupun akan datang.

"Ia perlu didalami dan dibongkar kerahsiaannya di sebaliknya demi perkataan yang terzahir dalam kitab Turath," katanya.

Beliau berkata demikian pada penutupan Konvensyen Sekolah-Sekolah Agama Aliran Turath Peringkat Kebangsaan Kali Pertama 2015 di sini, hari ini.

Haris berkata, Ilmu Turath relevan dibincang dari zaman dahulu hingga kini dan penyampaiannya



perlu dibuat secara berkesan.

"Penerbit buku, majalah, risalah dan sebagainya dipohon menerangkan Ilmu Turath dalam terbitan masing-masing.

"Jadi, ia dapat disebar luas dan dikongsi kepada masyarakat," katanya.

## Bawa kembali beruang sesat

**BESTARI JAYA** - Kerajaan Selangor mahu membawa kembali beruang yang terlepas April lalu ke Hutan Simpan Sungai Karang di sini.

Beruang betina jenis mahitari tu ditemui berkeliaran di Kampung Batu 4, Sepintas sebelum ditembak pelali, April lalu.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehsan Pengguna, Elizabeth Wong berkata beruang itu dirawat sebelum dihantar ke Hutan Simpan Tembat, Hulu Terengganu.

Merasmikan sambutan Hari Hutan Antarabangsa, 1 Jun lalu, beliau mahu ia dikembalikan

ke tempat asal kerana menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk memelihara haiwan itu.

"Pembangunan pesat berhampiran hutan simpan itu mungkin menyebabkan beruang seberat 70 kilogram itu keluar mencari perlindungan," katanya.

Sebelum ini, Jabatan Perlin-dungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) mengambil masa lima hari bagi menjejak beruang itu yang dikatakan tersesat kira-kira 50 kilometer.

Ia berikutan penduduk setempat mengadu terserempak dengan beruang beberapa kali



Selangor kaya dengan flora dan fauna dan menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri memeliharaanya

# Nilai tambahkan produk



Skim Peningkatan Pengeluaran Usahawan IAT yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri mampu menambah pendapatan petani

OLEH AFIX REDZUAN

**SABAK BERNAM** - Penternak perlu memberi tambah nilai produk bagi meningkatkan keuntungan dan tidak bergantung kepada hasil jualan haiwan ternakan itu semata-mata.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata kulit haiwan contoh nilai tambah berikutan ia digunakan dalam industri pembuatan barangan.

"Jika jual belulang atau kulit lembu mentah, harga sekitar RM2 sekilogram tapi jika ia diproses jadi jangat, harga naik hingga RM10 sekilogram.

"Ini pertambahan nilai lebih 400 peratus hanya dengan buat pemprosesan mudah," katanya di Sungai Nibong, 30 Mei lalu.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Veterinar menyediakan Skim Peningkatan Pengeluaran Usahawan IAT.

Antara bentuk bantuan, katanya ialah peralatan pemprosesan, mesin dan bahan binaan untuk menaik taraf premis.

"Syarat utama, memulakan aktiviti pemprosesan terlebih dahulu dengan saiz projek munasabah, bukan baru bercadang memulakannya.

"Itu bukti keseriusan melaksanakan projek industri asas tani," katanya.

### TINJAUAN PESERTA

Program Seminar Usahawan Agro Generasi Muda diyakini membantu generasi muda menceburi industri agro pertanian, sekaligus menyemai minat anak muda hingga mencipta kejayaan.

Bagus kepada warga desa yang memerlukan bantuan dalam pertanian. Ia memberi banyak maklumat mengenai pertanian dan anak muda perlu mengambil peluang untuk kebaikan mereka

**Mohd Nazif Saparman, 43**  
Usahawan dari Banting



Ia membuka peluang untuk generasi muda menceburi bidang agro pertanian terutama di Selangor. Usaha dibuat termasuk program dijalankan berterusan supaya lebih ramai dapat peluang.

**Hasnah Habir, 25,**  
Usahawan



Baik untuk pelajar menghadapi cabaran apabila menamatkan pengajian dan menjadi pemangkin untuk menceburi dua bidang iaitu teknikal dan pertanian. Ia banyak manfaat kepada generasi muda

**Amirul Shafiq, 20,**  
Pelajar Politeknik  
Shah Alam



## Vetmart D'Bernam luaskan pasaran produk

**SHAH ALAM** - Pusat Pengumpulan dan Pemasaran Produk Industri Asas Tani (IAT) dijenama semula kepada 'Vetmart D'Bernam' sebagai wadah pembangunan produk penternak dan pengusaha.

Pengarah Perkhidmatan Veterinar Selangor, Dr Akma Ngah Hamid, berkata ia menjadi pusat IAT pertama diwujudkan Veterinar Selangor sekitar 2012.

Katanya, ia mula diusahakan pengusaha jangat, Ahmad Zawawi Jurimi selepas mendapat kebernaran DVS menggunakan Pusat Veterinar Kecil Sungai Nibong.

"Bermula 10 November 2012, Ahmad Zawawi memulakan operasi

dengan premis bernama D'Bernam Kiosk.

"Beliau keluar modal sendiri RM36,000 bagi kerja ubah suai sebagai pusat pengumpulan jualan.

"Seterusnya DVS membuat naik taraf pada 2013 dan 2014 dengan kos hampir RM100,000," katanya pada 30 Mei lepas.

Majlis perasmian Vetmart D'Bernam disempurnakan Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemenodan Pertanian & Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib.

Lebih 30 jenis produk dipasarkan antaranya jangat, produk sejuk beku berasaskan hasil haiwan, kerepek dan kuih.



▲ Adun Jeram, Amiruddin Setro bersama penduduk dalam program ramah mesra dan penyampaian bantuan mangsa ribut



▲ Adun Meru, Dr Abdul Rani Osman melawat penduduk dan menyampaikan bantuan kepada pesakit lumpuh



▲ Adun Gombak Setia, Hasbullah Ridwan menyampaikan hadiah kepada pemenang di Kejohanan Bola Sepak & Bola Tampar Piala Ahli Majlis JKP Zon 11



▲ Adun Kota Anggerik, Dr Yaakob Sapari bersama pasukan PHB FC dalam kejohanan bola johan Piala Shah Alam



▲ Adun Seri Setia, Nik Nazmi Nik Ahmad menghadiri Perasmian Bus Rapid Transit Sunway oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Razak yang menggunakan bas elektrik menghubungkan Stesen Komuter Setia Jaya dengan Stesen LRT USJ 7, Turut bersama beliau Adun Subang Jaya Hannah Yeoh dan Pro Vice-Chancellor dan President of Monash University Professor Helen Bartlett Malaysia



▲ Adun Sementa, Dr Daroyah Alwi bersama pemenang pertandingan tiga sukan serentak iaitu futsal, bola jaring dan bola keranjang dalam aktiviti anak muda DUN Sementa bagi melahirkan masyarakat cergas dan sihat



▲ Adun Ijok, Dr Idris Ahmad merasmikan gotong-royong di DC5 Desa Coalfields dengan kerjasama MDKS, anggota Bomba dan Penyelamat Bestari Jaya, Ahli-ahli Majlis, serta ketua taman dan ketua kampung.



▲ Adun Taman Medan, Haniza Talha merasmikan Program Remaja - Persiapan Menjelang Ramadan yang dihadiri seramai 90 pelajar sekolah rendah dan menengah yang diadakan di At-Taufiqiah, Medan Cahaya



▲ Adun Sungai Pelek, Lai Nyuk Lan bersama penerima anugerah di Majlis Anugerah Ketua Kampung dan Kampung Terbaik 2014 yang berlangsung di Pejabat Tanah dan Daerah Sepang.



▲ Adun Morib, Hasnul Baharuddin turun padang bersama rakyat dalam sukaneka penduduk Sime Darby Estate Kelanang Baru.



▲ Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang dalam Program Tourism Selangor, Kembara di Bukit Kutu (Traacher's Hill), Hulu Selangor.



▲ Adun Selat Klang, Dr Halimah Ali meninjau rumah penduduk sekitar Sungai Udang dan Jalan Yadi yang rosak ditimpa ribut bagi menilai kerosakan untuk tindakan susulan.

# Memarak PEMIKIRAN menjernih KALBU

OLEH DAENG RAMLI AKIL

Dalam Ilmu Mengarang Melayu terbitan 1957, Pendeta Za'ba mengingatkan, sastra itu indah isi dan bentuknya.

Pesanan itu, anehnya tidak begitu melekat dalam minda majoriti kaum Melayu, sebaliknya lebih kuat tersemat dalam minda kaum Cina.

Dalam perihal ingatan itu, manusia yang bertamadun memang memilih akhlak terpuji sebagai unsur puncak dalam piramid kehidupan.

Akhlah memang sasaran pembelajaran ilmu agama dan sastra di manamana di dunia ini sejak beratus, malah beribu tahun dahulu.

Ini diketahui oleh manusia berilmu dan jernih kalbunya.

Bagi yang mendalami ilmu sejarah, perjuangan Socrates dan Aristotle sekitar 2,500 tahun dahulu di Athens untuk memartabat seni sastra, pasti diinsafi.

Socrates memahami betapa mendalaminya ilmu seni sastra bermakna seseorang itu memanfaatkan otak kreatif dalam *point of broca* atau titik maklumat.

Selanjutnya, wujud pemikiran untuk mencari jawapan mencari diri.

la penting kepada Socrates kerana usaha itu membuahkan hasil lumayan pada kejernihan kalbu. Dengan itu,

mudahlah memahami erti ketuhanan atau rabbaniyah.

KOMSAS atau komponen sastra Melayu dan Inggeris diwujudkan dalam subjek bahasa Melayu dan Inggeris. Kecelaruhan tak kunjung padam kerana banyak karya tidak bermutu, tidak berseni.

Dalam konteks seni sastra sebagai titi ke arah keagamaan, Selangor-Kini memanfaatkan karya genre cerpen, puisi dan esei.

Cerpen Kereta api Bunian karya Haizir Othman edisi 1-10 April 2015 dan Unicorn Sebelah Rumah karya Syahmi Fadzil (edisi 6-13 Mac 2015) bukan calang-calang karya.

Jika wakil rakyat diberi peluang mengarang setara cerpen itu, yakinlah mereka celaru juga.

Namun, tidak kepada Allahyarham Nik Aziz Nik Mat. Demikian juga Allahyarham Datuk Asri Haji Muda mahupun Allahyarham Haji Burhanuddin al-Hemmy.

Mereka kaya ilmu bahasa, apa lagi ilmu estetik dan stilistik mahupun etimologi atau ilmu akar kata.

Kereta api Bunian mengandung kisah Rosdi yang menaiki kereta api sendirian yang simboliknya berlapis-lapis; boleh begini, juga boleh begitu, selagi ada logikanya. Kereta api bermaksud usia dan laluan kehidupan manusia.

Indahnya kisah itu barangkali boleh membuka pintu minda semua pembacanya, mengingatinya lama dan boleh mencipta aneka analogi untuk berfikir di luar kotak yang membijaksankan.



Pendeta Za'ba



Burhanuddin al-Hemmy



Albert Camus

Unicorn Sebelah Rumah pula mengandungi cerita tentang 'saya' berinteraksi dengan kuda terbang, menjurus pada objektif kehidupan, penerokaan alam angkasa.

Aliran cerpen itu abstrak, namun bijaksana. Inilah aliran pilihan Albert Camus, pengarang Perancis yang memenangi Hadiah Nobel menerusi novel *The Outsider*.

Sekadar contoh, dua cerpen itu mengandungi kisah yang mudah diingat lama.

Rakyat yang berusia sekitar 50 tahun hingga 80 tahun, pasti ingat kisah dalam novel *Siti Nurbaya* karangan Allahyarham Dr Marah Rusli, Belenggu (Allahyarham Armijn Pane), Ateis (Allahyarham Achdiat Karta Hadimadja).

Selain itu juga karya Allahyarham

Prof Sutan Takdir Alisyahbana, Allahyarham Haji Abdul Malik Karim Amrullah (Hamka), Allahyarham Sanusi Pane, Allahyarham Abdul Muis, Allahyarham Toha Mokhtar dan sebagainya.

Tidak terkecuali novel di Tanah Melayu karangan Dr Ishak Haji Muhammad (Pak Sako), A Samad Ismail dan Sasterawan Negara Dr Usman Awang.

Tidak keterlaluan dinyatakan betapa novel itu kaya semangat perjuangan Islam dan jati diri Melayu. Lebih penting, ia menyalakan api yang memarak minda generasi muda.

Minda menjadi senjata paling ampuh diiringi hati dan sanubari yang jernih.

Ada bertanya: mengapa pembaca mengalir air mata sesudah membaca Ateis umpamanya? Hatinya disentuh ntuhi duka apabila mengetahui watak Hasan, muslim yang cetek ilmu agama, diseksa Jepun tetapi tidak dapat dibela Kartini. Sebaliknya pasti diejek Bung Parta.

Kesedihan begini layak memperoleh ganjaran murni iaitu keinsafan lama dan jiwa pejuang bela diri dan bela umat Rasulullah.



## HUJAN APRIL BENGALURU

*Ada hujan di atas kepalaku ia terlewat tiba  
Bengaluru baru saja musim bunga*

*ada kenangan bertakung di mulutku  
kenangan tajam menikam-nikam  
pelipis mata  
ia tak mengerti  
apakah aku menangis atau  
kehujanan.*

Faisal Mat Zawil  
B.E.L Road, Bengaluru.

## Ambiga bicara isu bahasa 14 Jun

**SHAH ALAM** - Sasterawan Negara, Datuk A Samad Said (Pak Samad) dan bekas Pengerusi Bersih 2.0, Datuk Ambiga Sreenevasan bakal menjadi panel forum yang membicarakan isu kepentingan bahasa Melayu.

la dijadual berlangsung dalam forum anjuran Kumpulan Sasterawan Kavyan (Kavyan) di Rumah Kavyan, Taman Sri

Muda, Shah Alam jam 9 hingga 11 pagi pada 14 Jun ini.

Mereka dijangka berkongsi pandangan berdasar pengalaman dalam acara kendalian Presiden Kavyan, Uthaya Sankar SB selaku pemudah cara.

Pak Samad akan memperkatakan topik 'Mengapa Saya Perjuangkan Bahasa Melayu?' manakala Ambiga 'Mengapa Saya

Mahu Menguasai Bahasa Malaysia?'

Pak Samad ialah Penasihat Agung Kavyan sejak 2003 yang lantang mengkritik pemerintah dan kuasawan menerusi karya dan ceramah.

Beliau juga dijadual merasmikan Rumah Kavyan yang menjadi pusat aktiviti bahasa, sastra, kebajikan, seni dan budaya serta menempatkan perpustakaan mini.

oleh Syafiq Ghazali

Saya tak rasa bermain gelongsor air di dalam seragam sekolah adalah sesuatu yang praktikal namun itulah yang dicadangkan oleh cikgu kepada kami sewaktu lawatan ke Taman Tema Negara. Hendak tak hendak kami terpaksa memahutuhnya (kata-kata cikgu kami berdaulat).

Kami beratur menunggu giliran dan saya lihat seorang demi seorang rakan saya menggelongsorkan tubuh mereka ke bawah; saya lihat juga seragam sekolah mereka basah lencun. Bila tiba giliran saya, entah kenapa, saya menutup mata. Membiarkan diri saya diseret mengikut alur gelongsor, saya dapat rasakan setiap inci tubuh saya habis basah di siram air yang puncanya entah dari mana.

Saya menggelongsor dan terus menggelongsor.

Kerana merasa terlalu lama menggelongsor, saya akhirnya membuka mata. Alangkah terkejutnya saya bila melihat gelongsor air ini bersimpangsiur, berpintal-pintal, dan tidak kelihatan hujungnyanya. Menu-runi alurnya, saya merasa seperti Alice yang berputar-putar di udara sebelum mendarat di Negeri Ajaib. Saya kembali katupkan mata, dan cuba mengisi masa yang ada dengan memikirkan penyelesaian kepada masalah-masalah negara yang meruncing sekarang: ekonomi, politik, perpaduan.


Satu pun saya tiada jawapannya kerana, secara tiba-tiba, saya terlelap.

Di kala terjaga, sayamasih tidak sampai di hujung gelongsor; saya terus berpusing dan berpusing. Saya tak pasti sudah berapa lama saya berpusing-pusing begitutetapi saya harap, sangat harap, ia tidak akan berlarutan sehingga seribu satu malam.

Bila akhirnya mendarat entah berapa lama kemudian, saya dapati saya tidak berada di Negeri Ajaib atau pun dunia Shahrazad, sebaliknya saya jatuh terduduk di sebuah tempat yang kelihatan seperti ruang tangga kecemasan bangunan. Saya lantas bangkit dan memerhati sekeliling: hanya anak tangga yang kelihatan — dan sebuah pintu di hujungnyanya.

Dengan tubuh yang basah-

# Bergelongsor di Taman Tema Negara



kuyup dari atas sampai bawah, saya menuruni anak tangga, membuka pintu itu dan melangkah masuk ke sebuah bilik. Di dalamnya terdapat empat orang lelaki — setiap seorang berkemejakot — duduk mengelilingi sebuah meja putih, sedang membincangkan sesuatu — sesuatu yang penting, barangkali, jika dinilai dari riak wajah mereka yang serius. Begitu saya memerhati dengan cermat saya dapati tiada kerusi yang menyangga punggung mereka; mereka duduk di atas angin seperti yang dilakukan P. Ramlee dan rakan-rakannya di dalam *Seniman Bujang Lapok*.

Dan setelah mengamati dengan lebih dalam, saya dapati keempat-empat mereka memiliki wajah yang serupa — seratus-peratus serupa. Yang membezakan mereka hanyalah saiz tubuh (seorang gemuk, yang disebelahnya kurus dan dua lagi masing-masing tinggi dan pendek). Mulut mereka terkumat-kamit menyebut sesuatu yang sukar untuk saya tangkap

maksudnya.

'Saya di mana?' Tanya saya.

Mereka berempat menoleh ke arah saya dan berpandangan sesama sendiri sejerus itu.

'Kamu sesat,' kata si gemuk, lebih kepada dirinya sendiri. Dan diulang-ulang pula kata-kata itu, secara serentak, oleh ketiga-tiga rakannya. Kemudian mereka, tanpa mempedulikan saya, kembali menyambung kumat-kamit yang tidak saya fahami itu.

Merasa tidak dipedulikan, saya keluar dari bilik itu, dan begitu saya berada di muka pintu, seorang gadis berdiri di hadapan saya. Dia sangat cantik, memakai gaun ringkas bergaris hitam putih, berambut potong-an pixie seperti Jean Seberg di dalam *À bout de souffle* (saya menontonnya dua hari lalu, selepas ulang kaji), cuma warnanya merah.

Dia hampirnya saya, menyatukan tapak tangannya dengan tapak tangan saya dan, tanpa berkata sepeatah pun, terus mengheret saya bersama lang-

kahnya. Dia membawa saya menuruni anak tangga, keluar dari bangunan dan tiba di sebuah taman.

Di kala itu hari sudah hampir senja dan tiang-tiang lampu yang berserakan di manamana mula menyebarkan cahayanya. Saya lepaskan fokus - pandang saya kesekeliling. Di kiri saya terdapat hamparan padang hijau yang luas dan pondok-pondok rehat; di sebelah kanan pula berderetan kedai-kedai makan. Di dalam salah satu kedai itu, saya lihat, kawan-kawan sekolah saya sedang menjamah makanan. Saya melambai-lambai ke arah mereka. Mereka berpaling tetapi sekadar memandang saya kosong.

Saya mahu mendapatkan mereka namun sigadis terus menyeret tubuh saya.

'Kita mahu ke mana?'

'Tanya saya.'

Dia berhenti, memandang saya (jernih sekali matanya) dan berkata: 'Pergi mencari

diri kita.'

'Di mana diri kita?' tanyasaya, berkerut dahi.

Hanya segaris senyumnya (sungguh manis) yang menjawab soalan itu.

Kami menyambung langkah, dan sepanjang masa itu dia diam. Saya tidak begitu kisah kerana saya sudah berpuas hati dapat dipimpin tangan dengan gadis cantik.

Kami akhirnya berhenti di depan sebuah premis makanan segera.

'Di sini ada diri kita?' Tanya saya.

Tanpa menjawab, diamasuk dan beratur untuk membuat pesanan. Sebelum mengekorinya, saya terlebih dahulu mengeliling ke arah kedai nasi kandar di sebelah kanan premis makanan segera. Terus saya terliur untuk menjamah nasi kandar.


Saya mendapatkan gadis itu dan cuba memberi tahunya hasrat perut saya namun dia terlebih dahulu telah memesan dua set makanan segera.

Kami menempati sebuah-meja, dan sewaktu kami makan, gadis itu ada mengatakan sesuatu, banyak sekali, tetapi tiada satu pun yang saya tangkap butirannya. Saya terlalu asyik menikmati kecantikan wajahnya (dan makanan segera di hadapannya).

Entah sejak bila ia berlaku, namun lama baru saya perasan perubahan pada wajahnya. Perlahan-lahan saya lihat wajah cantiknya bertukar menjadi hodoh dan seterusnya seratus-peratus membentuk rupa raksasa yang menakutkan. Meski demikian, seolah-olah tidak sedar perubahan yang berlaku, dia terus liat berkata-kata.

Terus saya terjaga!

Kirim cerpen dan puisi kepada [senselangor@gmail.com](mailto:senselangor@gmail.com) untuk disiarkan di halaman ini setiap minggu. Karya yang terpilih akan dinilai untuk pemberian anugerah - Ketua Pengarang



# Panorama indah dan kisah sejarah di antaranya

OLEH NAEEM RAFFI

Tidak sekadar keindahan pantai, bahkan memiliki pelbagai kesan sejarah yang sebahagiannya semakin dilupakan ramai.

Menyebut nama Morib, yang tergambar ialah suasana pantai cantik, panorama indah tatkala matahari terbenam.

Namun, ramai tidak tahu, Morib suatu ketika dahulu pernah menjadi pintu masuk terawal bagi angkatan tentera British dan India pada Perang Dunia Kedua.

Tanggal 9 September 1945 menyaksikan tentera India dari Batalion ke-46 tentera marin British mendarat bagi mempertahankan persisiran pantai dari kemaraan Jepun sekaligus menandakan pengakhiran Perang Dunia Kedua di rantau ini.

Genap 69 tahun kemudian, Pesuruhjaya Tinggi India ke Malaysia, Shri TS Tirumurti diiringi Kolonel Praveen Chhabra, Penasihat Pertahanan di Suruhanjaya Tinggi India melawat Tugu Peringatan Tentera.

Tugu itu sebagai peringat pendaratan Bahagian Infantri Tentera India ke-23 dan ke-25 di pantai Morib. Kumpulan '46 Indian Beach' memudahkan pendaratan 42,651 kakitangan, 3,968 kenderaan dan 11,224 tan barang.

Selain catatan itu, sekurang-kurangnya 13 tempat bersejarah ada di Morib, antaranya Balai Polis dan Penjara Jugra, Pejabat Daerah Lama Jugra dan Istana Jugra.

Jugra terletak kira-kira 12 kilometer dari pantai Morib adalah lokasi pemerintahan Kesultanan Selangor sebelum berpindah ke Bandar Klang, dan kini di Shah Alam.

Mengadap Selat Melaka, dengan jarak 15 kilometer dari Banting dan lebih sejam dari Kuala Lumpur, Morib menjanjikan pengalaman percutian mempesonakan.



Walaupun air tidak sejernih mahupun pasir pantainya tidak segebu di sebelah timur Semenanjung, namun badai ombak sederhana cukup membuatkan pengunjung menikmati ketenangan.

Ketika surut pula, pengunjung boleh berjalan di hamparan pasir landai sejauh 400 meter ke gigi air. Yang berminat menambah koleksi cangkerang laut pula, inilah masanya.

Bagi kaki pancing pula, pastikan joran dibawa sekali. Mungkin giat memburu hasil laut boleh diluaskan.

Pengunjung juga boleh merakam gambar kenangan di Replika kumpulan burung Cemar Putih di tengah-tengah Dataran Morib.

Sudut 'The Gastropods' juga boleh dilawati. Pelbagai kerang lengkap butiran maklu-

mat beserta replika menambah pengetahuan pengunjung.

Festival budaya juga sering dianjurkan Majlis Kebudayaan Negeri Selangor. Boleh dikatakan, Morib menjadi lokasi penginapan program budaya, dari peringkat kampung hingga antarabangsa.

Pantai itu juga dijadikan 'port' perhimpunan motosikal retro, basikal dan kereta vintage - program anjuran Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) bagi merangsang kehadiran pengunjung.

Buktinya tercatat alam Malaysia Book Of Records - Perhimpunan Motosikal Retro Terbesar 2014.

Program sukan tidak ketinggalan. Penganjuran Morib International Triathlon, Morib Fun Run, kejohanan perahu layar, bola sepak pantai dan seni semam sihat mendapat sambutan hebat.

Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) juga menaik taraf be-

berapa pusat pelancongannya bagi merencanakan lagi sambutan Tahun Melawat Selangor 2015.

Yang Dipertuanya, Mohd Azhar Mohamed Ali, berkata sejumlah RM7 juta dibelanjakan untuk menaik taraf prasarana dan lanskap pantai itu.

"Ia meliputi kemudahan pejalan kaki, papan info pelancongan, gerai jualan serta makanan, tandas awam, pentas utama, padang bola sepak pantai dan pencahayaan lampu.

"Parkir kenderaan juga diubah jadi lebih menarik sekaligus pantai Morib sesuai untuk perkelahan keluarga," katanya yang yakin sasaran 500,000 pengunjung tahun ini bakal tercapai.

Kepedulian MDKL terhadap pantai Morib tidak dinafi, apatah lagi dianugerahi Tandas Terbersih peringkat kebangsaan 2013 sempena Hari Tandas.

Pantai itu sekali lagi menem-

pa nama apabila muncul johan tidak kurang hebatnya. Pelbagai makanan laut yang lazat dengan harga berpatutan sedia terhidang, antaranya kerang rebus, sotong bakar dan jus buah gelas besar.

Struktur berbumbung medan selera seakan-akan 'amfiteater Rom mini' menjanjikan pengalaman menarik ketika menjamu selera sambil menikmati pemandangan matahari terbenam.

Kehadiran 'buskers' dengan petikan gitar kapok tambah menceriakan suasana dengan alunan lagu hits mahupun klasik.

Pengunjung juga boleh ke bazar bermusim dan deretan gerai yang menawarkan pelbagai cenderahati dan makanan tradisi sebagai ole-ole apabila pulang kelak.



Daripada **AFFEEQA AFEERA** di Nepal

Misi Kemanusiaan mangsa gempa di Nepal

# Sebutir nasi bagaikan sejongkong emas

**T**iba-tiba bumi Nepal yang tenang diterpa gempa bumi nan garang.

Sebahagian besar negara di Banjaran Himalaya itu musnah sekelip mata. Yang tinggal terpinga-pinga cuma.

Pemandangan dari kapal terbang cukup menunjukkan Nepal separa cacat akibat runtuh bangunan serata tempat.

Lapangan terbang yang suram mengiakan telahan betapa mereka masih berkabung dengan kejadian gempa April lalu.

Sepanjang jalan di Kathmandu, deretan khemah menjadi 'kediaman rasmi' penduduk Nepal terbentang depan mata.

Ada memilih jalanan sebagai rumah baharu, barangkali menyerahkan takdir mereka di tangan Tuhan.

Mereka hilang tempat berteduh. Segalanya diragut dalam gempa bumi berskala 7.9 skala Richter yang mengorbankan ribuan nyawa.

Di Kathmandu, keadaan boleh dikatakan 'ok'. Aliran trafik masih sibuk kerana kerosakannya minimal. Namun, senario bandar di pedalaman dan pergunungan, sungguh berbeza.

Ketika menyusuri Bhaktapur, daerah yang dingin dan suram memberi gambaran keadaan belum pulih biarpun sebulan sudah berlalu.

Ia terjejas teruk dalam kejadian itu. Hingga memusnahkan tapak warisan dunia, Bhaktapur Durbar Square yang diiktiraf UNESCO.

Bahagian depan kuil traasi

masyarakat Hindu musnah manakala bahagian dalamnya cacat akibat runtuhan.

Dan dalam ralit memerhati sekeliling, seorang lelaki tua yang duduk berhampiran mengekori tanpa sebarang bicara.

Memperkenalkan diri sebagai Durba, beliau hanya bersuara apabila disapa Syamsul Haq, jurubahasa kami.

Durba tidak meminta-minta tetapi hanya menceritakan kisahnyanya yang terpaksa bertahan demi mencari rezeki setelah hilang segala-galanya.

Matanya berkaca tatkala ada menghulurkan bantuan dan sedikit makanan sebagai alas pernutnya.

Terkesan betapa berat hatinya untuk menerima tetapi barangkali mengenangkan laparnya perut, perlahan-lahan, malah terketar-ketar tangan uzur itu menerima pemberian kami.

Itu kisah malang si Durba. Lain pula kisahnyanya di perkampungan Kaleswor dan Lalitpur.

Perjalanan tiga jam dengan menaiki kenderaan pacuan empat roda benar-benar menguji kesabaran dan ketahanan mental.

Hanya kalimah syahadah



**Ketua CSR MBI Mohd Jaararudin Md Ali menyampaikan bantuan kemanusiaan kepada penduduk Nepal yang terjejas akibat gempa bumi**

yang dititip sewaktu kenderaan melalui laluan 'off-road' dan berliku simpang siurnya.

Dengan jurang di kiri dan kanan, tumpuan kami sengaja dialih kepada panorama indah di sepanjang perjalanan bagi menghilangkan kerisauan.

Berada di puncak dingin dan nyaman, pasukan misi bantuan kemanusiaan disapa penduduk setempat yang merai kehadiran kami bagaikan raja.

Di sebalik senyaman, penduduk di situ punya keluh

Mereka menceritakan bagaimana ketakutan, kengerian berdepan suasana gempa bumi. Ramai bertempiran lari, ada yang selamat. Ramai juga terkorban.

Sempat berbual dengan Ram, 33, yang fasih berbahasa Melayu meskipun memiliki kewarganegaraan Nepal - kehilangan tempat tinggal, ditambah anak dan isterinya yang sakit tanpa rawatan.

Lebih malang, sebilangan ahli keluarganya terkorban menyebabkan Ram berasa hidupnya kian kosong.

Sebenarnya, ramai antara



mereka tidak boleh bertutur bahasa Inggeris kerana tidak berlanjut ke sekolah. Faktor kewangan dan tiada kemudahan baik antara punca tidak mendapat pendidikan sempurna.

Muslim Care Malaysia Society dan Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) terbang untuk mengedarkan bantuan makanan dan bahan asas lain kepada mangsa.

Seorang demi seorang menyambutnya dengan senyuman ikhlas.

Meskipun kecil nilainya tetapi ia memberi kegembiraan bukan kepalang kepada mereka.

Paling terkesan, ada antara mereka yang 'menyembah' kami dan berulang kali mengucapkan terima kasih - mungkin kerana terharu.

Timbul keinsafan di hati mengenangkan sikap membazar makanan tetapi mereka sangat menghargai - sebutir nasi bagaikan sejongkong emas.

Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul. Rumah boleh diganti tetapi nyawa insan tersayang, di manatah gantinya?

Himalaya kini sepi.

Buat mereka, moga ada sinar menanti esok.





Turun ke daerah gilap bakat baharu

# Kembalikan kejaguan Selangor

**K**redibiliti dan karisma **MOHD ZUBIR IDRUS** disegani ramai. Kemunculan semula beliau menerajui **Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor** sebagai Pengarah Eksekutif membayangkan kebangkitan semula sukan negeri. Ikuti temu bual wartawan Selangor Kini, **AFFEEQA AFEERA** mengenai misi dan visi beliau.



Setelah membuat 'comeback', apakah perancangan untuk pembangunan sukan di Selangor?



**Apabila menerajui MSN Selangor, saya bertekad mencurahkan segala kebolehan bagi mengembalikan kegemilangan sukan di Selangor. Tidak banyak perubahan boleh dirangka, cuma lebih kepada meningkatkan, pemantauan dan memastikan perancangan itu baik**

**MOHD ZUBIR**  
Pengarah Eksekutif MSN

Suatu ketika dulu, Selangor adalah jaguh sukan di negara ini dengan merangkul gelaran juara tujuh kali, enam daripadanya kemenangan berturut-turut dalam Sukan Malaysia (Sukma). Ini menunjukkan pencapaian Selangor sangat cemerlang.

Kejayaan itu bergantung kepada perancangan antara MSN Selangor dengan persatuan sukan kerana mereka memainkan peranan penting dengan dibantu oleh Kerajaan Negeri.

Atlet tidak boleh kekal selamanya, mereka datang dan pergi. Jadi kita memerlukan perancangan berterusan.

Apabila menerajui MSN Selangor, saya bertekad mencurahkan segala kebolehan bagi mengembalikan kegemilangan sukan di Selangor. Tidak banyak perubahan boleh dirangka, cuma lebih kepada meningkatkan, pemantauan dan memastikan perancangan itu baik.

Untuk mencungkil bakat atau menghasilkan atlet cemerlang, kita perlu ada asas kukuh dan besar iaitu memainkan peranan bersama Majlis Sukan Daerah (MSD). Tugas saya untuk memastikan MSD bergerak dengan lebih berkesan.

MSD tiada organisasi tetap. Jadi kita susah untuk kesan atau gilap apa yang berlaku, sebaliknya

hanya tahu bakat atlet bila sampai ke pertandingan peringkat negeri.

Dengan adanya MSD, kita dapat selaraskan dengan persatuan sukan daerah. Paling penting menjalin kerjasama kerana ini asas pencarian bakat.

Bila digerakkan secara berkesan, kita akan dapat data atlet berpotensi yang boleh dibawa ke peringkat seterusnya.

**Kategori sukan apakah paling menonjol dalam bakat baharu?**

Kejayaan Selangor di Sukma tidak bergantung kepada satu kategori ukan sahaja. Untuk cemerlang dan membawa nama negeri ke peringkat lebih tinggi, ia perlu datang dari pelbagai bidang.

Sukan paling banyak medal ialah sukan individu seperti renang, olahraga dan silat. Tetapi, paling menonjol sukan renang dan gimnastik manakala yang kurang menyerlah ialah olahraga.

Namun, dengan kewujudan sekolah sukan yang dilengkapi pelbagai kemudahan, kita jangka Selangor akan memiliki atlet lebih baik pada masa depan.

Kita ada 'ready made' atlet untuk kembangkan bakat mereka ke peringkat tertinggi selain dalam program persatuan. Bila asas itu besar, peranan utama ialah uruskan dengan lebih berkesan.

**Apakah penambahbaikan untuk prasarana sukan di negeri ini?**

Dari segi itu, kita ada banyak fasiliti, malah menjadi rujukan negeri lain. Sekitar 15 tahun lalu, kita wujudkan pusat rehabilitasi dan fisioterapi di MSN Selangor untuk membolehkan atlet mendapat perkhidmatan 'up to date'.

Dari segi stadium, Selangor



## PROFIL

### Mohd zubir idrus

Pengarah Majlis Sukan Negeri (MSN)

Umur : 56 tahun

Asal : Selangor

Akademik : Masters Degree in Sports Science, UNSW Australia

#### PENGALAMAN KERJA

- Pengurus Besar Kumpulan MSNS Holdings Sdn Bhd (1996-2000/2004-2006).
- Ketua Pegawai eksekutif Kumpulan MAIS Corporation (2011-2013)
- Pensyarah Kanan dan Pengarah, Institut Sukan, Universiti Selangor (2001-2004).
- Ketua Pegawai eksekutif Yayasan Islam Darul ehsan (2012-2013)
- Ketua Pegawai eksekutif Yayasan Golf Tan Sri Muhyiddin (2013-2014)
- Pengarah eksekutif, Majlis Sukan Negeri (2006-2010)
- Ketua Sektor ekonomi, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) 2011-2012

#### ANUGERAH

- Dianugerahkan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) sempena Keputeraan DYMM Sultan Selangor (1994)
- Bintang Kebesaran Selangor kelas keempat 2000 - Ahli Setia Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- Bintang Kebesaran kelas ketiga pada 2004 - Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah (SIS).

#### SUMBANGAN NGO

- Setiausaha lembaga Pengurus MSN (2015)
- Ahli lembaga Pengarah Amanah Yayasan Islam Darul ehsan (2015)- Ahli Jawatankuasa Teknikal Majlis Agama Islam Selangor (2001-2013) dan Ahli Jawatankuasa Persatuan Golf Melayu Selangor (PGMS) 2009-2011.



memiliki beberapa antaranya Stadium Malawati Shah Alam yang dulunya tiada di tempat lain. Kita tidak kekurangan dari sudut fasiliti, cuma ia sudah terlalu lama dan perlu penambahbaikan dan lengkapkan dengan teknologi terkini.

Bukan tiada kemudahan tetapi perlu naik taraf. Selangor memang ke hadapan tetapi kita perlu bersaing dari segi teknologi memandangkan negeri lain turut ada kemudahan sama. Itu fokus sekarang.

**Apakah nilai tambah yang perlu diberi perhatian dalam struktur MSN Selangor?**

Produk kita ialah sukan manakala lain-lain ialah suplemen kepada produk utama. Kita perlu perkukuhkan organisasi sukan supaya ia lebih mantap.

Kita tidak boleh pilih mereka yang ada minat tanpa kelayakan atau kemahiran sesuai. Bila bercakap tentang trend latihan terkini, kita perlu mereka yang berilmu. Jadi, bila kita ambil kakitangan, kelayakan jadi keutamaan.

Kita perlu tambah nilai untuk maju supaya kita tidak ketinggalan. Kita perlu berbelanja untuk atlet, latihan dan lebih pendanaan.

**Apakah program terbesar MSN Selangor sepanjang tahun ini?**

Kita sudah kategorikan pem-

angunan sukan di Selangor. Pertama, persediaan Sukma dua tahun sekali. Yang perlu latihan segera. Contoh, apabila Sukma habis dalam masa dua bulan, atlet perlu buat latihan semula.

Ini kita panggil program khas untuk sukan individu. Dalam Sukma kita ada beberapa fasa, antaranya kenal pasti sukan individu yang atlet sudah dipilih dan kita lantik jurulatih khas.

Fasa kedua pula lebih kepada sukan yang boleh bawa medal banyak contohnya sepak takraw. Ketiga, atlet yang 'almost there to go'.

Kita juga ada projek khas iaitu membawa bakat baharu yang layak ke sekolah sukan seperti di Seksyen 11, Shah Alam. Kita bantu dan latihan diuruskan persatuan.

**Cadangan kontrak sehingga lima tahun untuk atlet Selangor seperti sukan bola sepak. Komen?**

la langkah baik tetapi kita perlu lihat dari segi prosedur kerana bila bercakap tentang atlet remaja, mereka bergantung kepada kebenaran ibu bapa, pihak berkuasa tertentu dan sebagainya untuk dapat kebenaran.

Sebenarnya, atlet yang dibia-yai mesti mewakili Selangor. Permainan profesional boleh diadakan kontrak tetapi atlet (tanpa tandatangan atas kertas kerja) juga dianggap kontrak.

Kalau kita keluarkan banyak

belanja untuk atlet itu, apabila mereka dapat tawaran lain dan bersetuju untuk pergi, itu diang-gap tidak beretika.

MSN ada prosedur. Jika atlet itu datangnya dari Selangor, dia mesti mewakili Selangor. Kontrak tidak bermaksud kena ada kertas kerja.

Cuma konsepnya bila kita tanggung anak yang datang dari rumah kita, takkan hendak beri kepada orang lain? Bila mereka sampai satu tahap umur, itu cerita lain.

**Harapan terhadap kemajuan sukan di Selangor?**

Kemasukan saya buat kali ketiga untuk mengembalikan Selangor ke tahap lebih baik dari sebelumnya supaya dikenali sebagai negeri yang melahirkan atlet yang mengharumkan nama negara.

Saya berharap kita sampai ke tahap itu semula dan disegani. 'Benchmark' adalah Sukma kerana kalau kita boleh hasilkan atlet berkualiti dalam Sukma, kita mampu sediakan mereka ke peringkat lebih tinggi.

Saya berharap MSN Selangor kembali disegani seperti dulu. Sebab di negeri lain, mereka sudah

“**Dari segi stadium, Selangor memiliki beberapa antaranya Stadium Malawati Shah Alam yang dulunya tiada di tempat lain. Kita tidak kekurangan dari sudut fasiliti, cuma ia sudah terlalu lama dan perlu penambahbaikan dan lengkapkan dengan teknologi terkini**

ada entiti sendiri. Dulunya mereka datang sini untuk belajar tetapi kita sudah kehilangan semua itu.

Kita mahu kembalikan kegemilangan sukan. Selangor adalah antara negeri yang pemimpninya sangat prihatin dengan sukan. Saya berharap dapat meletakkan Selangor ke tahap seperti dulu atau lebih dari itu.

**LaThea**  
RESIDENCES

**16**  
**SIERRA**  
at Malawati Shah Alam

## Keunggulan gaya kehidupan.

La Thea memberi ruang yang mewah, baik di luar mahupun di dalam untuk bersantai serta menikmati gaya kehidupan yang unggul.

- Harga dari RM439,704
- Keluasan binaan daripada 787 hingga 1,205 kps
- Setiap unit didatangi dengan 2 tempat letak kereta
- Kunci digital untuk pintu depan

Untuk pertanyaan, hubungi **03-8944 9999**

[www.siproperties.com.my/16sierra](http://www.siproperties.com.my/16sierra)  
[www.facebook.com/16sierra](http://www.facebook.com/16sierra)

**DOJ PROSPERITEER**

Projek: LUSH DEVELOPMENT SDN BHD  
No. 16, Seksyen 11, Shah Alam, Selangor  
No. 16, Seksyen 11, Shah Alam, Selangor

Projek: 16 SIERRA  
No. 16, Seksyen 11, Shah Alam, Selangor  
No. 16, Seksyen 11, Shah Alam, Selangor

Koordinat GPS: 2.980613, 101.654731

## Tingkatkan ketelusan tender

**SHAH ALAM** - Ketelusan pemberian tender pihak berkuasa tempatan perlu dipertingkatkan supaya tiada amalan kronisme, kata Ahli Majlis Sepang, Dr Teo Lian Seng.

Kesal kerana Ahli Majlis memberi beberapa pilihan tender tetapi kontraktor sama dipilih dengan sebut harga sama, beliau berkata, ia perlu dibendung bagi memastikan projek menepati piawaian.



**Dr Teo Lian Seng**

"Ini perlu diubah. Teliti lebih terperinci. Jangan hanya beri kepada kroni dan hasil kerja tiada peningkatan," katanya kepada Selangor Kini.

Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya, G Suriase percaya PBT perlu membaiki aspek perkhidmatan, audit, urus kerja, selain membendung gejala rasuah.

"PBT dan ahli majlis perlu memupuk perpaduan dan memberi contoh baik kerana kita berurusan dengan masyarakat setempat.

"Kita perlu ada kefahaman mengenai amalan etika dan integriti supaya menjadi budaya dalam kehidupan," katanya.

## Ahli Majlis kena turun padang

**SHAH ALAM** - Ahli Majlis PBT perlu meningkatkan kualiti dan ketelusan urus tadbir bagi memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Justeru, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohammed Khusrin Munawi, berkata mereka perlu kerap turun padang bertemu rakyat.



**Khusrin**

"Perkhidmatan kurang baik membawa kesan negatif dalam pembangunan seharian," katanya pada program Pengukuhan Integriti dan Tadbir Urus Yang Baik bersama Ahli Majlis PBT, 5 Jun lalu.

Sejajar matlamat bagi memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan, beliau berkata, ahli majlis perlu memainkan peranan memberi perkhidmatan selaras kehendak pelanggan.

"Supaya rancangan inklusif dapat menjamin pembangunan, kesejahteraan dan keharmonian masyarakat di peringkat perbandaran dan daerah," katanya.

# Tunggakan kompaun MBSA RM84 juta

**OLEH NORHAYATI UMOR**

**SHAH ALAM** - Tunggakan kompaun Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bagi kesalahan meletak kenderaan, bernilai RM84 juta.

Timbalan Pengarah Komunikasi Korporatnya, Shahrin Ahmad, berkata ia

membabitkan 858,915 kompaun sejak 2002.

"Tunggakan keseluruhan kompaun tempat letak kereta antara Mac 2002 hingga Mei lalu ialah RM84 juta," katanya pada kenyataan media.

Justeru, katanya, MBSA menjalankan operasi menunda kenderaan yang

memiliki lebih 10 kompaun tertunggak mulai 2 Jun lalu.

Menasihati orang ramai yang ada tunggakan kompaun segera melunas-kannya, beliau berkata, ia bagi memberi kesedaran kepada pemilik kenderaan supaya membayar tunggakan masing-masing.



**Pemaju hanya bertindak selepas saya tulis surat**

**CHARLES SANTIAGO**  
Ahli Parlimen Klang

## Siling bocor, dinding retak

**KLANG** - Pembeli rumah Taman Ehsan Jaya di sini, kesal berikutan kediaman mereka berdepan masalah struktur binaan walaupun sijil kebenaran menduduki dikeluarkan.

Akibatnya, kerja baik pulih terhadap 80 peratus rumah ekoran rungutan pembeli akibat kebocoran dan keretakan dinding terpaksa dibuat.

Masalah sistem paip air dan sambungan elektrik pula menyebabkan pembeli terpaksa mengeluarkan perbelanjaan sendiri.

Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago,

berkata pemaju juga gagal membina tembok di tebing sungai yang baik selain gagal menyiapkan jalan masuk utama mengikut tempoh.

"Tembok penghadang bersebelahan Sungai Aur runtuh dua kali dan belum dibaik pulih. Kawasan itu berdepan banjir jika paras air naik.

"Jalan juga belum diturap sepenuhnya. Struktur longkang tidak kemas. Pemaju hanya bertindak selepas saya tulis surat," katanya.

Kata Charles, pembeli meluahkan kekesalan pada dua pertemuan ekoran

kelewatan penyerahan kunci kediaman, selain masalah struktur rumah.

Ada 254 unit rumah teres dua tingkat yang dijual pada harga sekitar RM430,000 seunit dan siap pada Oktober 2014.

Ahli Majlis Majlis Perbandaran Klang (MPK), Yew Boon Lye pula, berkata paip itu sepatutnya dibina lebih tinggi dari longkang bagi memudahkan aliran.

"Bagaimana air mengalir dengan baik? Pemaju perlu ubah, bukan biarkan dalam keadaan begitu," katanya.

Pembeli, William Low berharap masalah itu diselesaikan segera.

## Kebersihan 5,000 premis diperiksa

**PETALING** - Lebih 5,000 premis melibatkan 11 pusat bandar dalam pentadbiran MBPJ akan diperiksa dalam operasi dua bulan bermula 15 Jun depan.

Timbalan Datuk Bandar, Johary Anuar, berkata ia bagi memastikan pemegang lesen menjaga kebersihan dan keindahan premis dan sekitarnya.

Ia meliputi pencemaran air longkang,

perangkap minyak tidak berfungsi, tiada tong sampah, penutup longkang, mencuci di longkang dan perniagaan di lorong belakang.

Operasi melibatkan Jabatan Penguurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Jabatan Kesihatan Persekitaran, Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Perlesenan.

Notis peringatan dikeluarkan sertamerta bagi membolehkan pemegang lesen membaiki kesalahan dalam 14 hari.

"Mereka perlu kembalikan surat rayuan bersama bukti bergambar kerja pemulihan. Kegagalan memberi kesan pada proses memperbaharui lesen Oktober ini," katanya.

# RM12 juta naik taraf jalan kampung

OLEH NAZLI IBRAHIM

**AMPANG** - Peruntukan RM12 juta diluluskan bagi menaik taraf jalan kampung seluruh negeri, kata Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi.

Katanya, ia ditambah berdasarkan keperluan semasa dan ia tidak termasuk jalan dalam peruntukan Sistem Maklumat Rekod Jalanraya Malaysia (Marris).

"Kita luluskan peringkat bahagian agihan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) mem-

babitkan dua daerah untuk naik taraf.

"Kita akan luluskan bagi semua daerah. Walaupun RM12 juta tidak besar tetapi kita kena lihat hasilnya untuk dipertimbang.

"Ia melibatkan jalan kampung, parit, longkang, lampu jalan, jambatan dan kemudahan lain," katanya selepas Kursus Pengurusan dan Kepimpinan Ketua-Ketua Kampung Selangor, 26 Mei lalu.

Dr Ahmad Yunus berkata, kelulusan itu termasuk jalan kampung di tanah persendirian yang melibatkan kepentingan awam.



"Kita akan naik taraf jalan itu asalkan dapat kebenaran bertulis dari pemilik tanah," katanya.

“

**Kita akan luluskan bagi semua daerah. Walaupun RM12 juta tidak besar tetapi kita kena lihat hasilnya untuk dipertimbang**

**DR AHMAD YUNUS**  
Exco Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi

## Pay-Tapak permudah urusan

**SISTEM** Pay-Tapak memudahkan urusan bayaran kepada penguat kuasa serta-merta, kata Timbalan Pengarah Korporat MBSA, Shahrin Ahmad.

Kaedah itu membolehkan pemilik kenderaan membuat bayaran RM100 ketika proses penundaan dijalankan dan pelepasan serta-merta.

Sepanjang 2014, RM77,300 dikutip menerusi kaedah itu manakala setakat April 2015, sejumlah RM19,600 dikutip.

## Khidmat lupus sampah pukal

**MAJLIS** Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengadakan Kempen 'Spring Cleaning' bagi melupus sampah pukal selama sebulan.

Kempen bermula 6 Jun itu memperuntuk tong sampah Roll On Roll Off (RORO) di 24 lokasi bagi memuatkan 'bulk waste' seperti perabot dan alatan elektrik.

Perkhidmatan berdasarkan 'siapa dulu dia dapat' dibuat hingga kapasiti tiga tan yang diletak di setiap lokasi, penuh.

Utuk pertanyaan, hubungi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MBPJ melalui talian 03-7954 1440

## Wakaf Selangor sumbang RM5.26 juta

**SEJUMLAH** RM5.26 juta disumbangkan Wakaf Selangor Muamalat sehingga April tahun ini kepada sektor pendidikan dan kesihatan.

Pengerusinya, Tan Sri Abd Rahman Arshad, berkata ia disalurkan kepada pemohon dalam dan luar Selangor serta tidak terhad kepada umat Islam, selain ke sektor pelaburan yang patuh syariah.

Wakaf Selangor Muamalat ialah perkhidmatan berasas konsep wakaf oleh Bank Muamalat yang direka bagi kemudahan pelanggannya dan orang awam untuk berwakaf.

Ia usahasama strategik antara Bank Muamalat dan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS). Semua projek dipantau Jawatankuasa Pengurusan Bersama Wakaf Selangor Muamalat.

## Jalan baharu atasi kesesakan Kajang

**KAJANG** - Jajaran jalan baharu menghubungkan Bandar Baru Bangi dan Bandar Teknologi Kajang akan dibina bagi mengurangkan kesesakan.

Ia melibatkan pembinaan persimpangan bertingkat dari Persiaran Bangi merentasi Jalan Reko dan landasan kereta api ke Kajang 2 seterusnya Nadayu 92, Tropicana Heights.

Yang Dipertua Majlis Perban-

daran Kajang (MPKJ), Sayuthi Bakar, berkata, ia dijadual siap dalam tempoh 18 bulan dengan anggaran kos RM49.3 juta.

"Pembinaan jaringan jalan baru akan menghubungkan Bandar Baru Bangi dan Bandar Teknologi Kajang/Semenyih tanpa melalui bandar Kajang.

"Aliran lalu lintas di bandar Kajang akan dikurangkan

terutama pada waktu puncak dan memberi manfaat kepada kira-kira 50,000 penduduk," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Menandatangani Perjanjian Cadangan Pembinaan Jabatan ke Bandar Teknologi Kajang di Menara MPKJ, baru-baru ini.

Sayuthi berkata, jaringan jalan itu turut melibatkan

pembinaan jambatan baru Bandar Teknologi Kajang dengan anggaran kos RM5.729 juta.

Katanya, kerja pembinaan jambatan itu dimulakan seawal-tawalnya awal tahun depan dan dijangka siap sebelum 13 Oktober 2017.

"Ia memudahkan penduduk dan kerja pembinaan berjalan mengikut jadual," katanya.

## RM30,000 bina bilik terapi pelajar khas

**SHAH ALAM** - Sejumlah RM30,000 disumbangkan bagi membina bilik terapi pendidikan khas di Sekolah Kebangsaan Raja Muda (Integrasi).

Ia sebahagian tanggungjawab sosial Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) untuk keperluan pelajar mengikut Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI).

"Melalui bilik terapi, guru dan pelajar dapat menikmati suasana pembelajaran kondusif dan selesa," kata Pengurus Kanan, Mohd Fauzi Mohd Ghazali.

Guru Besar SK Raja Muda (Integrasi), Kamarruzaman Yahya, pula berkata bilik terapi dikenali sebagai Azzahra itu memenuhi keperluan pelajar

istimewa.

Katanya, pelajar berpeluang mengikuti program relevan dan sesuai untuk mengoptimimum potensi mereka.

"Ada 66 murid yang mengikuti PPKI dan saya simpan hasrat supaya bilik terapi itu diwujudkan sebelum bersara.

"Terima kasih atas bantuan pada saat-saat kami memerlukan dana bagi menampung kos pembinaannya," katanya.

Ibu pelajar khas, Khairunnisa M Zain menyifatkan perkembangan anaknya menggalakkan melalui pembelajaran di bilik terapi.

"Selain berupaya mengikuti pelajaran, dia boleh bertutur bahasa Inggeris dengan lancar dan mengendalikan kompu-



**Sumbangan Perangsang Selangor bagi memastikan suasana pembelajaran selesa dan kondusif**

# Jugra lokasi strategik sukan lasak

OLEH NAEEM RAFFI

**BANTING** - Jugra dianggap lokasi strategik sukan lasak paragliding peringkat antarabangsa hasil penglibatan lapan negara berentap dalam kejohanan JIPGAC 2015.

Kategori individu terbuka menjadi milik penerjun Indonesia, Elisa Manueke biarpun julung kali menduga cabaran di Bukit Jugra sekaligus membawa pulang RM3,000.

Elisa menyifatkan ia pengalaman bermakna sebelum meneruskan saingan merebut takhta juara dunia di Paragliding Accuracy World Cup (PGAWC) di Bulgaria hujung tahun ini.

"Saya timba pengalaman di Jugra. Ia luar biasa, penerjun harus bersedia dengan cabaran angin laut selain pokok dan batuan di kaki bukit sebelum selamat mendarat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Selangorkini selepas penutupan JIPGAC 2015, 1 Jun lalu.



Kategori Terbuka Wanita pula menjadi milik penerjun Singapura, Goh Soo Fen Jessica yang menerima RM1,000, malah turut dinobatkan sebagai naib juara Kategori Terbuka.

"Saya pernah beraksi di beberapa negara di rantau ini termasuk Thailand, Filipina dan Indonesia. Bagaimanapun, Jugra banyak

memberi pengalaman untuk mengendalikan angin kencang," katanya.

Kategori Terbuka Kumpulan pula dimenangi pasukan Niviu dari Indonesia yang menerima RM2,000.

Kejohanan JIPGAC 2015 inisiatif MDKL yang mempromosi sukan lasak dan pelancongan berkaitan sejarah dengan kerjasama Tourism Selangor.

## Rancangkan pelancongan dan ekonomi

**BANTING** - Aktiviti sukan lasak membantu merancang sektor pelancongan dan ekonomi tempatan, kata Exco Pelancongan, Elizabeth Wong.

Beliau berkata, ia berdasarkan sambutan hebat dari negara luar dan ratusan peminat tempatan yang datang bagi menyaksikan acara berkenaan.

"Kesempatan itu membolehkan mereka melawat produk pelancongan selain meningkatkan ekonomi setempat dengan membeli belah dan makan tempatan," katanya.

Beliau berkata, sukan paragliding misalnya memberi kesan positif dengan menyumbang pendapatan kepada operator perhotelan, restoran dan homestay.

"Penganjurannya mempromosi produk pelancongan di Kuala Langat seperti Istana Bandar, Makam DiRaja Bukit Jugra, Muzium Insitu dan Pantai Morib," katanya.

Beliau berkata demikian pada penutupan JIPGAC 2015 di Pusat Paragliding Bukit Jugra, 1 Jun lalu.

## Memanah jadi sukan teras

**KLANG** - Kerajaan Selangor mahu melahirkan pemanah bertaraf dunia bagi mewakili Malaysia pada masa depan, kata Adun Sri Muda, Shuhaimi Shafiei.

Beliau percaya sukan itu berpotensi besar untuk dikembangkan dan dijadikan acara utama sehingga ke peringkat kebangsaan.

"Memanah ada potensi besar untuk sebagai sukan teras Selangor. Kita akan bantu sediakan prasarana bagi kembangkan sukan itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada program 1Keluarga 1Pemanah anjuran Kelab Memanah Alpha Brothers (ABAB), di sini, 30 Mei lalu.

Shuhaimi berkata, DUN Sri Muda turut menyalur peruntukan RM9,000 kepada ABAC bagi menjayakan program hingga akhir tahun ini.

Beliau juga menyarankan ABAC membawa cadangan dan bekerjasama dengan Majlis Belia Selangor untuk membawa sukan itu ke peringkat antarabangsa.



Shuhaimi Shafiei

## Bentuk sahsiah, kawal emosi



Pelbagai nilai positif dapat disemai melalui aktiviti memanah

**KLANG** - Program Program 1Keluarga 1Pemanah bakal diterap supaya setiap ahli keluarga mempelajari kemahiran memanah khususnya anak muda dan kanak-kanak.

Pengerusi ABAC, Ahmad Othman, berkata seseorang pemanah berdisiplin membentuk sahsiah diri, fokus, berani dan dapat melenturkan keegoan diri.

"Secara tidak langsung, ia mendidik seluruh ahli keluarga dan sukan ini mampu dikembangkan. Ia juga menerapkan sunnah Rasulullah saw," katanya.

Kerani, Zarina Baharudin, 44, menterangkan sukan memanah dalam keluar-

ganya sejak hampir 10 tahun lalu.

"Selain mempromosi sukan itu, kita dapat mendidik anak mengenai kegembiraan Nabi Muhammad saw. Ia juga alat mempertahankan diri," katanya.

Penolong Pegawai Anti-Dadah, Norliza Komeng, 39, berkata hasil kerjasama Agensi Anti-Dadah Kebangsaan dan ABAC mendorong bekas penagih bergiat aktif dalam sukan itu.

"Aktiviti memanah sebagai sukan sihat untuk melatih emosi dan fizikal. Jadi, ia melatih mereka bertenang dan menstabilkan emosi daripada gopoh, marah dan kurang sabar," katanya.

WAKTU SOLAT SELANGOR 12 - 19 JUN 2015 25 SYAABAN - 2 RAMADAN 1436H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
12 Jumaat	5:30	5:40	7:04	1:16	4:41	7:25	8:40
13 Sabtu	5:30	5:40	7:04	1:16	4:42	7:25	8:40
14 Ahad	5:31	5:41	7:04	1:16	4:42	7:25	8:41
15 Isnin	5:31	5:41	7:04	1:16	4:42	7:25	8:41
16 Selasa	5:31	5:41	7:04	1:17	4:42	7:26	8:41
17 Rabu	5:31	5:41	7:05	1:17	4:43	7:26	8:42
18 Khamis	5:31	5:41	7:05	1:17	4:43	7:26	8:42
19 Jumaat	5:31	5:41	7:05	1:17	4:43	7:26	8:42
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
12 Jumaat	5:32	5:42	7:06	1:18	4:43	7:27	8:42
13 Sabtu	5:32	5:42	7:06	1:18	4:44	7:27	8:43
14 Ahad	5:32	5:42	7:06	1:18	4:44	7:27	8:43
15 Isnin	5:33	5:43	7:06	1:18	4:44	7:27	8:43
16 Selasa	5:33	5:43	7:06	1:19	4:44	7:28	8:43
17 Rabu	5:33	5:43	7:07	1:19	4:45	7:28	8:44
18 Khamis	5:33	5:43	7:07	1:19	4:45	7:28	8:44
19 Jumaat	5:33	5:43	7:07	1:19	4:45	7:28	8:44

# Majukan sukan paragliding

OLEH NAEEM RAFFI

**BANTING** - Agensi kerajaan dan swasta diseru memainkan peranan membawa sukan lask paragliding ke tahap membanggakan.

Exco Pelancongan, Elizabeth Wong berkata usaha melahirkan atlet ternama peringkat dunia tidak mustahil direalisasikan menerusi usaha dan keterlibatan atlet dalam kejohanan berkaitan.

"Diseru persatuan sukan bertanggungjawab menentukan prestasi sukan itu seiring dengan negara luar yang ada jaguhan ternama.

"Tidak mustahil ia dapat dicapai kerana kita terdedah dengan beberapa kejohanan peringkat kebangsaan dan antarabangsa,"katanya.

Beliau berkata pada penutupan Jugra International Paragliding Accuracy Championship (JIPGAC) 2015 di Pusat Paragliding Bukit Jugra, 1 Jun lalu.

JIPGAC disertai peserta Vietnam, Korea Selatan, Filipina, Jepun, Singapura, Hong Kong, Indonesia, Switserland dan Malaysia yang berentap dalam tiga kategori.

**LAGI BERITA  
MUKA SURAT 23**

## Ikan pacu 1.2kg bawa RM3,000

**PUCHONG** - Ikan pacu seberat 1.22 kilogram (kg) membawa tuah Ahmad Husin apabila dipilih sebagai johan Karnival Memancing di Tasik Taman Puchong Perdana.

Karnival tahunan anjuran Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) itu melayakkannya membawa pulang RM3,000.

"Syukur, rezeki memihak kepada saya dan rasa berbaloi tunggu dapat ikan sejak awal pagi," kata kakitangan kerajaan itu.

Naib johan disandang Muhammad Zaki yang memperoleh ikan

Patin seberat 1.06 kg dan pulang bersama RM1,500 manakala tempat ketiga, Sham Mohd Ali dengan ikan pacu seberat 0.99 kg, menerima RM1,000.

Seramai 250 orang menyertai pertandingan yang menawarkan hadiah keseluruhan RM6,550.

Antara ikan yang dilepaskan ke tasik ialah Pacu, Patin dan Keli.

Terdahulu, Adun Sri Serdang, Noor Hanim Ismail, berkata pertandingan itu menggalakkan kegiatan sihat dan memperkukuh perpaduan antara kaum.

## Intai sarung jersi DUN Sementa

**SEBANYAK** 32 pasukan futsal, 16 pasukan bola jaring dan 16 pasukan bola keranjang berentap merebut gelaran sulung juara Piala Dr Daroyah Alwi.

Ia peluang buat mereka mengintai peluang menyarung jersi DUN Sementa di Liga Sukan Selangor Plus menentang 55 DUN lain di Selangor Ogos ini.

Kejohanan berlangsung di tiga lokasi berbeza iaitu futsal di Champions Sport Arena, Taman Klang Utama, bola keranjang (Taman Sungai Kapar Indah) dan bola jaring (Dewan Taman Seri Kerayong)

Pemenang berkumpul di Champions Sport Arena untuk menerima aian hadiah yang disampaikan Adun Sementa, Dr Daroyah Alwi yang Exco Selangor.

Ketua Biro Anak Muda Pusat Khidmat DUN Sementa, Hariz Aizat Mahyudin, berkata kejohanan itu sebagai mekanisme membentuk persefahaman dan hubungan erat antara generasi muda.

"Ekoran sambutan menggalakkan, kita bercadang menjadikan kejohanan itu acara tahunan,"katanya.



Gambar oleh Rahmie Ariffin

**LUNCUR...** Bukit Jugra sekali lagi dipilih sebagai lokasi Kejohanan Jugra Paragliding Accuracy Championship (JIPGAC) 2015. Seramai 55 peserta dari sembilan negara bertanding bagi merebut hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah RM10,000. Kejohanan berlangsung tiga hari itu dirasmikan oleh Exco Pelancongan Elizabeth Wong.

Diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Dicetak oleh Angkatan Edaran Enterprise Sdn Bhd, Lot 6, Jalan Tukang 16/4, Seksyen 16, 40200, Shah Alam. Tel: 03- 55196373 Faks: 03 - 55127985